

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"Di sini, kita juga jangan lupa untuk meningkatkan perkhidmatan berdisiplin, berintegriti, telus dan berkualiti, sesuai dengan cabaran-cabaran yang sering dihadapi".  
- Titah Sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017.



Pelita  
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

DARI Abi Ummah Al-Bahiliyu berkata : Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Bacalah oleh kamu Al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat memberi syafaat kepada pembacanya". (Riwayat Al-Imam Muslim).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 51

28 APRIL 2021 / 1442 رمضان 15

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

TITAH PERUTUSAN TAKZIAH BUAT REPUBLIK INDONESIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Joko Widodo, kerajaan dan rakyat Republik Indonesia berikutan dengan nahas kapal selam KRI Nanggala-402 yang mengorbankan seramai 53 orang anak kapal di perairan Bali, Indonesia.

Raptai penuh Sambutan Nuzul Al-Quran berjalan lancar



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (depan, kiri) dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (depan, kanan) hadir pada raptai penuh Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah yang akan diadakan pada Khamis malam Jumaat, 17 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 29 April 2021 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 27 April. - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah akan diadakan pada Khamis malam Jumaat, 17 Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 29 April 2021 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Di antara pengisian atur cara Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1442H tersebut ialah pemakluman keputusan dan penganugerahan hadiah-hadiah kepada para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442H / 2021M.

Bagi memastikan kelancaran sambutan, pagi tadi diadakan raptai penuh majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Plenary, ICC.

Hadir bagi menyaksikan latihan tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1442H.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Makti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; dan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

>> Muka 3



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN  
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama

51 anak yatim diraikan pada Majlis Kasih Ramadan Muka 5

AL-QURAN sumber keberkatan, kerahmatan bagi kehidupan Muka 21

STATISTIK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
Maklumat setakat 27 APRIL 2021, 12.00 tengah hari  
223 Jumlah kes jangkitan  
120,013 Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020)  
3 Jumlah kematian  
17,345 Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)  
215 Jumlah kes yang sembuh  
5 Kes aktif  
Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

COVID-19 : 3 kes sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 223 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 356 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 82 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, lima kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan pada hari ini juga, tiga kes telah disahkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 215 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 479 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 17,345 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

>> Muka 3

# Da'ie terlatih, berpengetahuan ugama mantap diperlukan

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH kita memuji dan mensyukuri Allah atas limpah rahmat dan izin-Nya Majlis Konvokesyen Akademi Da'wah 3.0 ini dapat berlangsung pagi ini yang mana kita sekalian berkesempatan berada di dalamnya, turut merasakan kegembiraan yang dirasakan oleh peserta-peserta graduannya.

Dari namanya yang menyebutkan siri angka 3.0 pun sudah dapat merangsang rasa gembira itu. Seperti tidak disedari betapa Program Akademi Da'wah ini sudah berusia lebih tiga tahun masuk tahun keempatnya.

Dalam hubungan ini, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Badan Sukarelawan Da'ie, Pusat Da'wah Islamiah. Pihaknya telah bergerak aktif di bawah Program Keugamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kita masih ingat baik betapa Program Keugamaan Belia itu diadakan. Ia dimaksudkan untuk menampung kecenderungan di kalangan sesetengah remaja dan belia kepada mempelajari agama. Mereka bergiat di masjid-masjid dan juga di rumah-rumah kumpulan mereka. Lalu kita dorongkan minat dan kemahuan mereka

itu dengan menyediakan wadah mempelajari agama. Kita sediakan kemudahan yang diperlukan. Dan kita sediakan mentor yang diberikan kepercayaan untuk membimbing mereka.

Maka di situlah Pusat Da'wah dan Jabatan Hal Ehwal Masjid tampil berperanan.

Syukur alhamdulillah penganjur pertama kali Akademi Da'wah hampir empat tahun dahulu, pada tahun 2017, telah diteruskan oleh aktivis-aktivisnya yang bergerak menerusi Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan kerjasama Program Keugamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dilihat dari penganjurannya bagi ketiga kalinya tahun ini menunjukkan ia satu program yang berjaya.

Kerana itu kita percaya sokongan-sokongan yang diperlukan berupa kerjasama tenaga dan penajaan akan berterusan, insyaaAllah.

Majlis pagi ini adalah menepati namanya konvokesyen di mana ada seramai 44 orang graduan lepasan Akademi Dakwah 3.0 akan menerima tanda mereka berjaya mengikuti program yang ditentukan.

Saya difahamkan bahawa dalam tempoh tiga bulan mereka dibimbing oleh mentor-mentor yang ditetapkan terdiri daripada Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB) serta daripada badan atau pertubuhan NGO yang berkaitan dengan kemasyarakatan.

Mereka diberikan kuliah mengenai akhlak dan ilmu-ilmu agama seperti tafsir dan hadis, di samping latihan-latihan cara dakwah berkesan, pengucapan umum, penulisan kreatif. Dan yang menarik dan penting ialah mengadakan atau mengikuti kerja-kerja kemasyarakatan.

Dan melihat kepada latar belakang mereka adalah belia-belia mahasiswa pengajian tinggi maka mereka sangat berpotensi untuk bergiat dalam dakwah.

Kita sebenarnya memerlukan da'ie yang terlatih, di samping berilmu pengetahuan agama yang mantap.

Dengan ilmu pengetahuan agama dan menguasai kemahiran berdakwah, dihiasi pula dengan bersikap mesra mesyarakat iaitu bersifat ramah dan responsif, mereka boleh membantu mewujudkan dakwah yang menyerlah dan berkesan yang sangat diharap-harapkan.

Dan dihitung pula daripada angka akademi sudah 3.0 ertinya ada dua kohort peserta lagi yang sudah mengikuti Akademi Da'wah yang dianjurkan oleh Badan Sukarelawan Belia Da'ie. Mungkin bilangan mereka sudah hampir atau pun mencapai ratusan. Mereka semuanya berpotensi untuk maksud menyerlahkan dakwah dengan kesannya dapat disaksikan dan dirasakan.

Semoga mereka akan tampil untuk maksud yang baik itu.

Dan dalam hubungan kelayakan berdakwah kepada umum pula iaitu dalam erti kata dan maksud mengajar agama kepada umum, mereka tinggal dilengkapi dengan tauliah daripada pihak berwajib Majlis Ugama Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Tauliah kelayakan berdakwah iaitu mengajarkan agama kepada umum itu



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berucap pada Majlis Konvokesyen Program Akademi Da'wah 3.0 anjuran Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, pada 28 Syaaban 1442 Hijrah bersamaan 11 April 2021 Masihi di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.**

semata-mata untuk tujuan memelihara pelaksanaan dakwah supaya teratur sesuai dengan fahaman, ajaran dan amalan beragama yang kita ikuti dan kembangkan di negara ini. Itu sahaja.













Dan saya percaya graduan-graduan Akademi Da'ie sangat faham dan mengerti akan hal ini kerana mereka menyertai Akademi Da'wah dengan bimbingan mentor-mentor yang layak. Tambahan pula aktiviti mereka dalam masa tiga bulan di bawah program Akademi Da'wah adalah diseliatkan oleh Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Demikianlah.  
Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**"DAN dalam hubungan kelayakan berdakwah kepada umum pula iaitu dalam erti kata dan maksud mengajar agama kepada umum, mereka tinggal dilengkapi dengan tauliah daripada pihak berwajib Majlis Ugama Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Tauliah kelayakan berdakwah iaitu mengajarkan agama kepada umum itu semata-mata untuk tujuan memelihara pelaksanaan dakwah supaya teratur sesuai dengan fahaman, ajaran dan amalan beragama yang kita ikuti dan kembangkan di negara ini".**

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
28	RABU	15	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	KHAMIS	16	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	JUMAAT	17	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	SABTU	18	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38
2	AHAD	19	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
3	ISNIN	20	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
4	SELASA	21	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI					
RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan					
30		31		30	
24	°C	24	°C	25	°C
Pekan Bangar					
30		31		31	
24	°C	24	°C	24	°C
Pekan Tutong					
30		31		31	
24	°C	24	°C	25	°C
Kuala Belait					
30		31		31	
24	°C	24	°C	24	°C

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 28 APRIL 2021

### WAKSIN : KAEDAH INTERVENSI KESIHATAN AWAM TERBAIK

**I**MUNISASI merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting dan kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit berjangkit tertentu dan mengelakkan dalam anggaran dua hingga tiga juta kematian setiap tahun di seluruh dunia.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Minggu Imunisasi Sedunia 2021 baru-baru ini yang bertemakan 'Vaccines Bring Us Closer'.

Jelas Yang Berhormat lagi, dalam dunia yang saling berkaitan tanpa sempadan pada masa ini, mana-mana wabak yang berlaku di mana-mana sahaja merupakan ancaman kepada seluruh dunia. Vaksin merupakan satu kaedah intervensi kesihatan awam yang terbaik untuk kita mengawal wabak penyakit di peringkat global.

Ini jelas dilihat daripada penularan wabak COVID-19 yang sedang berleluasa, kita boleh melihat dengan jelas bahawa vaksin memainkan peranan yang penting dalam memberhentikan penularan wabak COVID-19 untuk membolehkan kita kembali kepada kehidupan seperti biasa.

Kementerian Kesihatan komited dan akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi Program Imunisasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang merangkumi kesemua peringkat umur daripada kanak-kanak hingga ke golongan warga emas.

Alhamdulillah di NBD, jelas Yang Berhormat, kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin secara percuma daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan.

Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi kanak-kanak pada tahap yang melebihi 95 peratus liputan setiap tahun. Pencapaian ini membuktikan bahawa Program Imunisasi Kebangsaan dan inisiatif pemberian vaksin di negara ini adalah berkesan dan sangat penting.

Dalam perutusan Yang Berhormat seterusnya berkata, pengambilan Vaksin COVID-19 adalah merupakan langkah yang paling efektif untuk melindungi diri, keluarga dan juga masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19. Dalam jangka masa sederhana dan panjang, semakin ramai orang diberi vaksin, semakin tinggi tahap kekebalan penduduk negara ini terhadap penyakit ini. Ini seterusnya akan dapat mengurangkan kesan COVID-19 terhadap kesihatan awam dan masyarakat.

Yang Berhormat menjelaskan, setiap individu mempunyai peranan yang penting untuk mendapatkan vaksinasi bagi melindungi diri, keluarga dan juga masyarakat, terutama sekali daripada kesan bahaya COVID-19. Sokongan dan kerjasama orang ramai akan dapat membantu melindungi seluruh rakyat dan penduduk negara ini daripada penyakit-penyakit berjangkit tertentu termasuk pandemik COVID-19.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk sama-sama mendapatkan suntikan vaksin yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi bersama-sama melindungi kesihatan penduduk NBD. - **Ketua Penyuntingan (Hs)**

# KSSUP MENGADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**SUNGAI AKAR**, Selasa, 27 April. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi menutup majlis tadarusnya sempena bulan Ramadan bagi Tahun 1442H / 2021M dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkia, Kampung Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Ali bin Apong.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa satu unit *water dispenser* oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Imam Tingkat 1, Awang Haji Julazni bin Haji Zaini yang juga selaku Imam

masjid berkenaan.

Seterusnya, bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim secara beramai-ramai.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim serta Doa Khatam Al-Quran, dan disudahi dengan acara berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Pada tahun ini, majlis dikelolakan bersama oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Aktiviti bertadarus serta Majlis Khatam Al-Quran adalah merupakan salah satu daripada aktiviti tahunan KSSUP dan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkia, Kampung Sungai Akar.

jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan pada setiap tahun di bulan Ramadan yang bertujuan bagi mengeratkan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan serta jemaah masjid

dan penduduk kampung.

Selain itu, bagi mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

## Raptai penuh Sambutan Nuzul Al-Quran berjalan lancar



SUASANA raptai penuh Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan bawah).

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Dalam sama-sama mengawal dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, para jemputan adalah dinasihatkan untuk mematuhi garis panduan menghadiri majlis, iaitu hendaklah mendaftar masuk menggunakan aplikasi BruHealth untuk mendapat kelulusan kod hijau dan kuning; mengimbas Kod QR; digalakkan berwuduk sebelum ke majlis; digalakkan memakai sungkup muka (*face mask*); dimestikan

membawa tikar sembahyang bersaiz besar (bagi yang ingin menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih); membuat pemeriksaan suhu badan; digalakkan mensanitasi tangan dengan menggunakan *hand sanitizer* (pensanitasi tangan); tidak digalakkan untuk bersalam-salaman; dan segera bersurai setelah acara selesai.

Selain itu, hanya individu yang mempunyai kod berwarna hijau dan kuning sahaja yang dibenarkan

menghadiri majlis, manakala individu yang mempunyai simptom-simptom, seperti demam panas, batuk, selesema masalah pernafasan dan sebagainya adalah tidak dibenarkan menghadiri majlis tersebut.

Tempat Sembahyang Sunat Tarawih adalah di Press Conference Hall ICC bagi jemputan lelaki, sementara Surau ICC bagi jemputan perempuan.

Tema Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi Tahun 1442H ialah 'Al-Quran Asas dan Pemangkin Pembangunan Negara'.



## COVID-19 : 3 kes sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan  
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

>> Muka 1

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 90 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak

120,013 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

### Ringkasan Kes



# ANAK YATIM DIRAIKAN DALAM IFTAR RAMADAN



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datin menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim yang diraikan pada Iftar Ramadan berkenaan (atas), sementara gambar kanan, antara anak yatim yang diraikan pada majlis tersebut.

**GADONG**, Isnin, 26 April. - Ramadan mengajar kita untuk sama-sama berbagi dan berkongsi rezeki kerana dalam mengutamakan kebajikan merupakan amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ia lebih bermakna di bulan

Al-Mubarak demi mengharapkan pahala berlipat ganda.

Justeru, seramai 164 orang anak yatim terdiri daripada Darjah Pra dan Darjah 1 sekolah-sekolah agama dari seluruh negara hari ini diraikan dalam Iftar Ramadan, berlangsung di Hotel Antarabangsa

Rizqun, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Datin, dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Masri Osman



anak-anak yatim.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah Abdul Razak Holdings.

Majlis Bersungai diimarahkan lagi dengan bacaan Tahlil dan doa, diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya beramah-mesra

dan berbuka puasa bersama-sama.

Majlis keagamaan anjuran Jabatan Pengajian Islam dan Abdul Razak Holdings setentunya menjadi kerjasama yang murni agar anak-anak yatim sedikit sebanyak berasa indahnyanya berbagi rezeki sambil menikmati juadah berbuka puasa di hotel serta bertemu dengan rakan-rakan yang lain.

## COVID-19 : 8 masih dirawat

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan  
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan setakat 12.00 tengah hari, yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini menjadi 223 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) menyatakan sebanyak lapan kes aktif masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Ini bermakna, jumlah kes yang sembuh setakat ini adalah sebanyak 212 orang.

Dengan pengesanan kes terbaharu, sebanyak 82 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan, pada 6 Mei 2020. Pada ketika ini, NBD mencatatkan 355 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

Pada hari ini, seramai 572 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, di pusat-pusat pemantauan yang ditetapkan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini, setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 17,218 orang menamatkan pengasingan diri mandatori, di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 48 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2, yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 menjadi 119,923 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

### Ringkasan Kes



## Majlis Khatam MOFE bagi HK NBD, Ramadan



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) menyampaikan wakaf hasil sumbangan daripada Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 April. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) juga jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Khatam

Al-Quran 37 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-37, Tahun 2021 dan Sambutan Khatam



**ANTARA** yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 37 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 dan Sambutan Khatam Al-Quran bagi Majlis Bertadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi.

Al-Quran bagi Majlis Bertadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Setiausaha-setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian; Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan MOFE juga jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Adh-Dhuha dan disusuli dengan bacaan Doa Khatam Al-Quran, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Syarif Wafiuddin bin Jemain.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian wakaf-wakaf hasil sumbangan daripada Pegawai-pegawai dan Kakitangan MOFE.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-37, Tahun 2021 adalah bertujuan untuk meraikan dan memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD dengan pengisian-pengisian bermanfaat, terutama dengan pembacaan Al-Quran, selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir.

Manakala, Majlis Khatam Al-Quran bagi Majlis Bertadarus sempena Bulan Ramadan bagi MOFE juga jabatan-jabatan di dalamnya merupakan aktiviti keagamaan tahunan dan pada tahun ini, majlis tersebut diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan.

Majlis Bertadarus juga turut diadakan di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku, Gadong, pada 15 April 2021.

# JASA DIKENANG, DIHARGAI

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 April. - Seramai 213 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bersara pada tahun 2019 diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan di Dewan Betabur,



**PEMANGKU** Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohammad Kassim bin Haji Ya'akub dalam ucapan alu-aluannya.

Bangunan Kementerian Pembangunan, hari ini, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohammad Kassim bin Haji Ya'akub dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa persaraan bukanlah titik noktah bagi seseorang untuk memberikan sumbangan kepada negara.

"Abiskita boleh terus memainkan peranan dan menyumbang baki kepada masyarakat sekeliling dengan menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan riadah atau meneroka bidang perniagaan serta bersedia mengongsikan pengetahuan dan pengalaman dengan anggota masyarakat dan sebagainya," ujar beliau.

Setelah berkhidmat dalam tempoh purata selama 30 tahun dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada para pesara warga kementerian tersebut.

Darussalam, Awang Haji Mohammad Kassim melahirkan keyakinan bahawa para pesara telah membuat perancangan masing-masing dalam menjalani kehidupan sebagai pesara terutamanya memberi lebih ruang bagi melaksanakan apa jua aktiviti yang sebelum ini tidak dapat dilaksanakan kerana sibuk dengan tugas.

Majlis kemudiannya diteruskan

dengan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada para pesara.

Daripada jumlah 213 orang tersebut, 13 orang pesara dari Kementerian Pembangunan; 138 orang pesara dari Jabatan Kerja Raya; 21 orang pesara dari Jabatan Ukur; 15 orang pesara dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; 15 orang pesara dari Jabatan Tanah; enam orang

pesara dari Jabatan Kemajuan Perumahan dan lima orang pesara dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Majlis diadakan dengan tujuan memberi penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah bersara dan untuk mengenang jasa serta bakti yang telah dicurahkan sepenuhnya.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan selaku Pengerusi Majlis, Awang Haji Mohammad Kassim bin Haji Ya'akub; Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Divisyen dan Unit di Kementerian Pembangunan serta para pesara dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diraikan.

## 51 anak yatim diraikan pada Majlis Kasih Ramadan



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan Mini Hamper Kasih PPB kepada penerima.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Azmah Haji Ahad

**TANAH JAMBU**, Selasa, 27 April. - Seramai 51 orang anak yatim dari Kampung Tanah Jambu, warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan anak-anak warga Pusat Pembangunan Belia

(PPB) diraikan pada Majlis Kasih Ramadan Kali Ke-2, 2021 yang diadakan di Dewan Binadiri, PPB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang

**PROJEK** Kasih Ramadan PPB diadakan bagi mendedahkan para Pelatih PPB dengan kerja-kerja kemasyarakatan dengan menggunakan kemahiran masing-masing yang telah dipelajari di PPB sepanjang bulan Ramadan.

**PROJEK** Kasih Ramadan PPB itu juga akan terus dikembangkan sebagai satu kaedah *social provider* yang berbentuk kemahiran daripada latihan praktikal para Pelatih PPB dalam menimba pengalaman sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar, termasuklah meningkatkan pengetahuan dalam tatacara pengendalian dan penganjuran sesebuah majlis amal.

**PROJEK** tersebut mendapat sokongan daripada rakan-rakan strategik PPB, seperti Sabli's Food Industries (B) Sdn. Bhd., Megamas Training Company Sdn. Bhd., Malam Minggu Pusat Belia (MMPB), Syarikat Eco Bumi Arkitek, Perusahaan Ala Bolhassan Sdn. Bhd., Koperasi PPB serta individu-individu yang telah memberikan sumbangan ikhlas.

Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Penolong Pengarah PPB, Dayang Fauziah binti Haji Md. Salleh dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, Projek Kasih Ramadan PPB diadakan bagi mendedahkan para Pelatih PPB dengan kerja-kerja kemasyarakatan dengan menggunakan kemahiran masing-masing yang telah dipelajari di PPB di dalam bulan Ramadan ini.

Selain itu tambahnya, projek itu juga diharap akan dapat mengeratkan lagi silaturahim warga PPB dengan rakan-rakan strategik PPB yang ikut serta dalam menjayakan projek amal ini dengan menyediakan juadah berbuka puasa yang akan disedekahkan kepada golongan sasaran.

Menurutnya lagi, pada tahun ini, warga PPB telah menyediakan sumbangan Mini Hamper Kasih PPB yang dicipta khas bagi setiap anak yatim yang dijemput sebagai cenderamata untuk dibawa pulang.

Antara kandungan Mini Hamper Kasih PPB tersebut jelasnya, adalah kek dan biskut hasil produk PPB sendiri daripada kerja-kerja bergotong-royong para warga dan Pelatih-pelatih PPB di bulan yang mulia ini dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi.

Beliau seterusnya berharap agar Projek Kasih Ramadan PPB itu juga akan terus dikembangkan sebagai satu kaedah *social provider* yang berbentuk kemahiran daripada latihan praktikal para Pelatih PPB dalam menimba pengalaman sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar, termasuklah meningkatkan pengetahuan dalam tatacara pengendalian dan penganjuran sesebuah majlis amal.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan,

## Pemakluman penangguhan sementara

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 April. - Berikutan situasi jangkitan COVID-19 di Republik India yang mendapati sejenis varian atau *strain* virus baharu yang lebih mudah berjangkit dan telah menyebabkan merebaknya jangkitan COVID-19 dengan pantas di beberapa kawasan di republik tersebut yang mencatatkan kadar kematian dan jangkitan tertinggi yang pernah direkodkan dalam mana-mana negara di dunia bagi tempoh 24 jam sejak wabak itu bermula pada akhir tahun 2019.

Dengan ini, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa penangguhan sementara kebenaran kemasukan warganegara asing yang berlepas daripada atau melalui Republik India dan perjalanan keluar negeri menuju ke India selama empat minggu yang bermula pada Selasa, 27 April 2021 sehingga Isnin, 24 Mei 2021 iaitu bagi perkara-perkara berikut.

Pertama, perjalanan masuk semua warganegara asing yang berlepas dari atau melalui mana-mana lapangan terbang di India (*direct flight*). Kedua, perjalanan warganegara asing yang berlepas dari India dan memasuki Negara Brunei Darussalam (NBD) secara transit.

Manakala yang ketiga, perjalanan keluar dari NBD ke India atas apa juga sebab atau urusan kecuali warganegara asing yang memegang pas pekerjaan atau pas tanggungan di mana telah dibatalkan atau pemegang Special Authorization Work Pass atau Professional Visit Visa yang tidak memerlukan kebenaran keluar negeri daripada JPM.

Manakala bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki negara ini dari India pula, kebenaran tersebut adalah ditarik balik sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian, tertakluk kepada penilaian lanjut.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi Travel Hotline menerusi talian 120 semasa waktu bekerja.

Belia dan Sukan menyampaikan sumbangan berupa Mini Hamper Kasih PPB kepada mereka yang diraikan, diikuti dengan bacaan Tahli, disusuli dengan Majlis Berbuka Puasa.

Projek tersebut mendapat sokongan daripada rakan-rakan strategik PPB, seperti Sabli's Food Industries (B) Sdn. Bhd., Megamas Training Company Sdn. Bhd., Malam Minggu Pusat Belia

(MMPB), Syarikat Eco Bumi Arkitek, Perusahaan Ala Bolhassan Sdn. Bhd., Koperasi PPB serta individu-individu yang telah memberikan sumbangan ikhlas.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS, para jemputan khas, pengarah-pengarah dan pegawai kanan KKBS.

# HULUR BANTUAN, RINGANKAN BEBAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menyerahkan sumbangan derma kepada penerima.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MUARA, Selasa, 27 April. - Dalam Ramadan ini, Syarikat Hengyi menyemarakkan lagi bulan suci Industries Sdn. Bhd. mengadakan

Majlis Penyampaian Derma bagi Anak-anak Yatim dan Golongan Yang Kurang Bernasib Baik yang berlangsung di Dewan Al-Fath, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), hari ini, di sini.

Seramai lapan anak yatim dan 12 orang golongan yang kurang bernasib baik yang tinggal di kawasan Kampung Serasa; Kampung Kapok; Muara dan Meragang menerima sumbangan derma tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan derma ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman yang juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Serasa.

Juga turut menyampaikan sumbangan derma ialah Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd, Chen Lian Cai.

Majlis merupakan sebahagian

■ **SERAMAI** lapan anak yatim dan 12 orang golongan yang kurang bernasib baik yang tinggal di kawasan Kampung Serasa; Kampung Kapok; Muara dan Meragang menerima sumbangan derma tersebut.

■ **DI** bawah inisiatif CSR, para kakitangan syarikat telah mengumpul sejumlah BND1,642 sementara syarikat tersebut menyumbang sebanyak BND6,000. Derma berupa sumbangan wang termasuk dengan barang-barang keperluan harian.

daripada program tahunan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat berkenaan untuk meringankan beban keluarga dan anak-anak yatim bagi Sambutan Hari Raya yang akan datang.

Di bawah inisiatif CSR, para kakitangan syarikat telah mengumpul sejumlah BND1,642 sementara syarikat tersebut

menyumbang sebanyak BND6,000. Derma berupa sumbangan wang termasuk dengan barang-barang keperluan harian.

Dalam pada itu, syarikat berkenaan berharap semoga kita sentiasa dilimpahi berkat, kedamaian dan kegembiraan pada bulan Ramadan yang mulia ini.

## Keputusan pemohonan ISQ, NTec kemasukan Julai diumumkan

■ **Siaran Akhbar** : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

**GADONG**, Isnin, 26 April. - Pengumuman bagi keputusan bagi pemohon yang telah menghadiri temu duga bagi program-program : 1) ISQ in Blasting & Painting (Oil & Gas Industry); 2) ISQ in Marking & Fitting (Oil & Gas Industry); 3) ISQ in Rigging (Oil & Gas Industry); 4) ISQ in Scaffolding (Oil & Gas Industry); dan 5) NTec in Welding (Oil & Gas Industry) bagi kemasukan Julai 2021, telah diumumkan.

Para pemohon dikehendaki untuk menyemak e-mel peribadi masing-masing untuk mengetahui status permohonan dan maklumat lebih lanjut lagi.

Untuk makluman para pemohon yang disenaraikan pendek, tarikh tutup untuk membuat Pemeriksaan Kesihatan adalah Rabu, 28 April 2021.

Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi Penolong Pendaftar IBTE Kampus Sultan Bolkiah menerusi talian +673 3228050 atau +673 3228051; dan Penolong Pendaftar IBTE Kampus Mekanikal menerusi talian +673 2470223 (semasa waktu bekerja sahaja).



YANG Berhormat Ahli MMN semasa bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Derma bagi Anak-anak Yatim dan Golongan Yang Kurang Bernasib Baik.

# 77 peratus penggunaan beg plastik menurun



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar semasa memotong reben pada Majlis Pengagihan Beg Guna Pakai tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohidin

**BERAKAS**, Isnin, 26 April. - Sebanyak 1,000 beg guna pakai semula diagih-agihkan secara percuma kepada orang ramai yang berkunjung ke Gerai Ramadan, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya merasmikan pengagihan beg guna pakai

tersebut, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Pengagihan beg ini adalah usaha Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ke arah mendorong dalam meningkatkan lagi negara untuk lebih hijau melalui inisiatif beg percuma berkenaan.

Turut sama mengagihkan beg

guna pakai semula tersebut, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar.

Mubashar Khokhar dalam kenyataannya, antara lain berucap, BIBD komited untuk menjadi pemangkin perubahan dengan menjadikan perniagaan mampan, yang aktif berusaha untuk menjadikan tempat yang lebih baik dan lebih hijau.

Acara hari ini juga secara



TETAMU kehormat semasa mengagih-agihkan beg kitar semula kepada para penjunjung Gerai Ramadan.

langsung menyokong SDG 12 untuk bertanggungjawab dalam penggunaan dan pengeluaran beg guna pakai semula tersebut.

Menurut Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), 16 peratus sampah yang dihantar ke kawasan pelupusan sampah adalah terdiri daripada produk plastik.

Dengan mengenalkan 'No Plastic Bag Every Day', di kedai-kedai seluruh negara yang mengambil

bahagian, lebih daripada 77 peratus penggunaan beg plastik menurun, di lima buah pasar raya utama.

Dalam hal ini, BIBD berharap dapat meningkatkan lagi kesedaran yang sama mengenai amalan lestari kepada pengunjung, di Gerai Ramadan tahun ini.

Ini, sekali gus dapat mendorong para pengunjung menggunakan beg yang boleh digunakan semula untuk membeli-belah.

# BINCANG INISIATIF BERKAITAN DENGAN MIGRASI

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BERAKAS**, Selasa, 27 April. - Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menjadi tuan rumah Mesyuarat Ke-14 Jawatankuasa ASEAN bagi Pelaksanaan Deklarasi ASEAN tentang Perlindungan dan Pemajuan Hak-hak Pekerja Migran (ACMW) yang berlangsung selama dua hari yang bermula hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

ACMW ditubuhkan pada tahun 2007 semasa Sidang Kemuncak

ASEAN Ke-12 yang diadakan di Cebu, Filipina dan merupakan badan teknikal di bawah Mesyuarat Menteri Buruh ASEAN (ALMM) yang terdiri daripada wakil-wakil pekerja kanan kerajaan daripada semua negara anggota ASEAN.

Mesyuarat Ke-14 ACMW tersebut menandakan kesempatan kedua Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah dan mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa ini serta pengerusi putaran setiap sesi ACMW

diselaraskan dengan Pengerusi ASEAN (Chairmanship of ASEAN).

Seperti yang diperuntukkan di bawah Konsensus ASEAN mengenai Perlindungan dan Pemajuan Hak-hak Pekerja Migran yang ditandatangani oleh Ketua Negara ASEAN selama Sidang Kemuncak ASEAN Ke-31 di Manila pada tahun 2017, negara-negara anggota ASEAN melalui ACMW ditugaskan untuk melaksanakan Konsensus ASEAN melalui Pelan Tindakan wilayah.

Pelan Tindakan tersebut merangkumi usaha negara-negara anggota ASEAN antara 2018 hingga 2025 untuk melaksanakan Konsensus ASEAN yang merangkumi alat penilaian diri.

Oleh itu, dalam pertemuan ACMW Ke-14, negara-negara anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN mengemas kini mengenai status pelaksanaan projek dan aktiviti yang telah siap, sedang dan dirancang di bawah Pelan Tindakan berkenaan.

Mesyuarat ACMW juga memberikan kesempatan bagi negara-negara anggota ASEAN untuk mempertimbangkan potensi kerjasama dengan rakan-rakan luar ASEAN untuk berbagi informasi mengenai inisiatif yang berkaitan dengan migrasi, bertukar pandangan mengenai sokongan yang diberikan oleh rakan luar dan juga inisiatif baharu yang dirancang di rantau ini.

Mesyuarat yang diadakan secara

virtual itu dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN, Awang Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud dan dihadiri oleh Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim sebagai Ketua Perwakilan bagi NBD.

Wakil daripada 10 negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN serta rakan luar, termasuk wakil daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Australia (DFAT), Global Affairs Canada (GAC), Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM), misi EU ke ASEAN dan Kerajaan Switzerland menghadiri mesyuarat itu.



**MESYUARAT** yang diadakan secara virtual itu dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN.

Mesyuarat ACMW seterusnya dijadualkan diadakan pada tahun 2022 yang dipengerusikan oleh Kerajaan Kemboja.

■ **NEGARA** Brunei Darussalam menjadi tuan rumah, sekali gus mempengerusikan Mesyuarat Ke-14 Jawatankuasa ASEAN bagi Pelaksanaan Deklarasi ASEAN pengerusi putaran setiap sesi ACMW diselaraskan dengan Pengerusi ASEAN (Chairmanship of ASEAN).

■ **BAGI** Mesyuarat ACMW Ke-14 kali ini, negara-negara anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN mengemas kini mengenai status pelaksanaan projek dan aktiviti yang telah siap, sedang dan dirancang di bawah Pelan Tindakan wilayah.

■ **WAKIL** daripada 10 negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN serta rakan luar, termasuk wakil daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Australia (DFAT), Global Affairs Canada (GAC), Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM), misi EU ke ASEAN dan Kerajaan Switzerland menghadiri mesyuarat itu.



**SUASANA** Mesyuarat Ke-14 Jawatankuasa ASEAN bagi Pelaksanaan Deklarasi ASEAN tentang Perlindungan dan Pemajuan Hak-hak Pekerja Migran yang diadakan secara virtual.

## Warga kurang berkemampuan terima sumbangan



**PEGAWAI** Daerah Brunei dan Muara semasa menyerahkan sumbangan kepada para penerima (atas dan bawah).



■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**KAPOK**, Selasa, 27 April. - Seramai 20 warga kurang berkemampuan dari Mukim Serasa

menerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma yang berlangsung di kediaman

Pemangku Ketua Kampung Kapok, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Timbang di Jalan Kapok Kanan.

Majlis yang julung kali diadakan ini adalah sebagai tanggungjawab sosial yang diungkuhkan oleh Majlis Perundingan Kampung Kapok, Mukim Serasa.

Para penerima yang dipilih menerima sumbangan berbentuk barangan asasi bernilai BND100 setiap seorang. Jumlah kesemua sumbangan adalah berjumlah BND2,000.

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim selaku tetamu kehormat majlis.

Turut menyampaikan sumbangan derma berbentuk wang tunai ialah Pengarah Bersama Pooman Sendirian Berhad, iaitu Tajudeen Ahamed dan Abu Taher.

Kumpulan Syarikat Pooman Sendirian Berhad mula membuka cawangan pertamanya di Kampung Kapok pada tahun 2017.

Cawangan kedua mula beroperasi di Kampung Manggis Satu pada tahun 2019 dan cawangan seterusnya dibuka di Kampung Tanjong Nangka pada tahun 2020.

Syarikat ini menyediakan barang-barang keperluan rumah dan dapur, termasuk daging, ayam dan ikan segar serta sayur-sayuran juga buah-buahan daripada pembekal tempatan bagi



كمنترين كصحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Lindungi Diri dan Orang Sekeliling Awda dari Menjadi Sakit.

## CUCI TANGAN AWDA:



- ✓ Selepas batuk atau bersin
- ✓ Apabila merawat orang yang sakit atau yang menghadapi tanda-tanda serupa dengan influenza

- ✓ Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan
- ✓ Sebelum dan selepas makan
- ✓ Selepas setiap penggunaan tandas
- ✓ Apabila tangan menjadi kotor dan tidak bersih
- ✓ Selepas merawat haiwan yang sakit atau menyentuh najis haiwan

123 | [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)

sama-sama membantu serta menaiktaraf perniagaan tempatan dalam pembarigaan produk

mereka. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

# ERAT UKHUWAH SESAMA MUSLIM

**Berita dan Foto :**  
Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 April. - Kedatangan bulan Ramadan disemarakkan lagi dengan pelbagai acara keagamaan dalam usaha mempertajamkan dakwah Islam, iaitu dengan mengadakan Ceramah Khas Bulan Ramadan 1442H / 2021M yang diselenggarakan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Ceramah, Bahagian Penyebaran Da'wah.

Ceramah disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI.

Hadir pada ceramah tersebut, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh, para pegawai dan kakitangan PDI dan

jabatan-jabatan kerajaan yang lain.

Antara pengisian dalam ceramah tersebut ialah untuk melahirkan warga Perkhidmatan Awam yang peka dan bertanggungjawab terhadap bulan-bulan kebesaran Islam di Negara Brunei Darussalam, di samping menyemarakkan dan menyukuri kehadiran bulan Ramadan.

Ceramah juga turut menyentuh pengisian dalam memupuk perasaan cinta terhadap bulan Ramadan dalam mengeratkan lagi hubungan persaudaraan sesama Muslim.

**CERAMAH** disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Antara tujuan ceramah tersebut diadakan ialah bagi mengeratkan lagi ukhuwah sesama Muslim, di samping mengharapakan ganjaran pahala berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.



**ANTARA** yang hadir pada Ceramah Khas Bulan Ramadan 1442H / 2021M yang diselenggarakan oleh Pusat Da'wah Islamiah melalui Unit Ceramah, Bahagian Penyebaran Da'wah (kanan dan kanan sekali).



## Lakastah menderma : Semua kumpulan darah diperlukan

**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 April. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengadakan Kempen Derma

Darah seperti yang dijadualkan pada rajah 1.

Kempen-kempen Derma Darah tersebut adalah dibukakan kepada penyertaan orang ramai.

Orang ramai boleh mengunjungi tempat-tempat ini pada waktu yang ditetapkan.

Pada masa ini, Pusat Pendermaan Darah masih mengalami bekalan darah rendah

bagi semua kumpulan darah 'O', 'A', 'B' juga 'AB' dan menyarankan orang ramai untuk tampil menderma darah bagi menampung permintaan pemindahan darah pesakit-pesakit di semua hospital kerajaan.

Dalam pada itu, orang ramai juga diingatkan untuk mengimbas Kod QR dan mengamalkan penjarakan sosial di tempat-tempat Kempen

TARIKH	MASA	TEMPAT
27 April 2021	8.00 mlm	Al Bukhari Textiles, Aman Hills Branch, Shopping Mall, 1st Floor
	10.00 mlm	
28 April 2021	8.00 mlm	Al Bukhari Textiles, Aman Hills Branch, Shopping Mall, 1st Floor
	10.00 mlm	
1 Mei 2021	8.30 mlm	Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kg Kulapis
	10.00 mlm	

Derma Darah diadakan.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi

talian +673 2242424 sambungan 5745 atau 6001 atau 6002 atau e-mel ke [bloodbank@moh.gov.bn](mailto:bloodbank@moh.gov.bn), ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook @bloodbank.ripas.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

**L**ALAI mampu membawa pelbagai maksud, ada yang baik dan ada juga yang buruk. Namun, lalai yang sering kita dengar kebiasaannya lebih sinonim dengan sesuatu yang buruk. Terlupa, terleka, terabai, cuai dan alpa itulah antara maksud buruk yang di bawa oleh perkataan lalai. Manusia tidak akan pernah luput dari kelalaian kerana kelalaian itu adalah salah satu bentuk godaan iblis yang pantang melihat peluang terbuka untuk memperdaya umat manusia seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala mengenai janji iblis yang tertulis dalam Surah Al A'raf, ayat 16 dan 17 yang mafhumnya :

"Iblis berkata : Oleh kerana Engkau telah menghukum aku menjadi sesat, demi sesungguhnya aku akan menghalangi mereka (manusia dengan menyesatkan mereka) daripada jalan-Mu yang lurus. Kemudian aku akan mendatangi mereka dari hadapan mereka serta dari belakang mereka, dan dari kanan mereka serta dari kiri mereka dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan mereka bersyukur".

Ayat ini telah membuktikan bahawa iblis tidak akan pernah menyerah untuk membawa umat manusia ke arah kelalaian agar mengabaikan perintah Allah dan tidak mensyukuri segala nikmat yang diberikan oleh-Nya. Seperti yang telah terjadi kepada Nabi Adam Alaihissalam sebelum Baginda diturunkan ke bumi kerana kelalaiannya.

"Dan (Allah berfirman) : "Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu (Hawa) di dalam syurga serta makanlah daripada apa sahaja yang kamu berdua sukai dan janganlah kamu berdua hampirai pohon ini, (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu berdua daripada golongan yang zalim". Lalu Syaitan membisikkan (hasutan jahat) kepada mereka berdua supaya ia menampakkan kepada mereka aurat mereka yang (sekian lama) tertutup daripada (pandangan) mereka berdua dan (syaitan) berkata : "Tuhan kamu tidak melarang kamu daripada menghampirai pohon ini melainkan (kerana Dia tidak suka) kamu berdua menjadi malaikat atau menjadi daripada orang yang kekal (di dalam syurga)".

(Surah Al-A'raf, ayat 19-20)

Allah Subhanahu Wata'ala sekali lagi

menceritakan mengenai hasutan syaitan yang sememangnya telah menjadi punca utama dan penyebab kelalaian yang telah dilakukan oleh Nabi Adam Alaihissalam dan isteri baginda dengan lebih terperinci dalam firmannya pada Surah Thaha, ayat 120 yang mafhumnya :

"Lalu syaitan membisikkan (hasutan jahat) kepadanya, ia berkata: Wahai Adam! Mahukah aku tunjukkan kepadamu Pohon Khuldi (pohon yang menjadikan engkau hidup kekal selama-lamanya) dan kekuasaan yang tidak akan binasa?"

Ayat tersebut menunjukkan sememangnya sudah menjadi lumrah manusia mempunyai sifat tamak dan tidak pernah puas dengan kelebihan yang telah diberi serta menginginkan sesuatu yang lebih daripada yang telah diperolehi. Begitulah sifat manusia di akhir zaman ini, di mana semasa mereka mengejar ilmu, kekayaan dan kesenangan, mereka lalai menunaikan suruhan dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala serta mengerjakan sesuatu yang menjadi larangan-Nya. Terlalu banyak perkara melalaikan yang manusia kejar setiap hari, sehingga mereka lupa untuk bersyukur dan alpa dalam mengingat Allah Subhanahu

Wata'ala. Seperti yang telah Allah Subhanahu Wata'ala tegaskan dalam firmanNya yang mafhumnya :

"Mereka itu ialah orang yang telah dikunci mati hati mereka oleh Allah dan pendengaran mereka serta penglihatan mereka, dan mereka itulah orang yang lalai".

Kelalaian mampu merosakkan amal ibadah seseorang muslim dan lama-kelamaan juga boleh merosakkan serta menghitamkan hati seseorang. Ini akan menyebabkan kelunturan hati seseorang untuk mendekati diri kepada sesuatu yang berunsur ibadah dan dikhuatiri pengakhiran hidupnya akan buruk atau berakhir dengan keadaan *su'ul khatimah*.

Oleh itu, rapatkanlah diri dengan Al-Quran, perbanyakkan amal ibadah, bijak memilih rakan mahupun pasangan yang mampu membawa diri kita ke arah kebaikan serta sentiasa basahi bibir dengan zikir-zikir memuji kebesaran dan mensyukuri segala sesuatu yang Allah berikan. Cubalah untuk istiqamah dalam mengerjakannya dan berdoa meminta kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar menjauhkan diri kita daripada tergolong dalam golongan mereka yang lalai dalam mengingat-Nya.



## BANYAKKAN BERDO'A KETIKA BERPUASA DAN SELEPAS BERSUNGKAI

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**K**EDATANGAN bulan Ramadhan yang dinanti-nantikan adalah merupakan rahmat bagi setiap orang yang beriman. Di bulan ini dibukakan segala pintu-pintu langit, pintu-pintu syurga dan pintu-pintu rahmat.

Sebagai seorang yang beriman, sudah setentunya tidak ingin terlepas segala peluang yang ada untuk meraih keistimewaan dan ganjaran pahala yang banyak lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan yang mulia ini. Setiap amal kebajikan dibalas dengan pahala yang berlipat ganda. Segala do'a dikabulkan dan pintu pengampunan terbuka luas bagi setiap orang yang beriman dan orang-orang yang kembali ke jalan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Untuk itu, Irsyad Hukum kali ini mengingatkan supaya sama-samalah kita meraih peluang istimewa yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan memperbanyakkan amal ibadat di bulan Ramadhan yang penuh berkat, serta sentiasa membasahkan bibir dengan berzikir dan berdo'a selama menjalankan ibadat puasa.

### Tuntutan untuk berdo'a

Berdo'a adalah salah satu daripada elemen yang penting dalam kehidupan seorang muslim. Ia adalah pengakuan seorang hamba terhadap kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala yang mutlak terhadap segala yang berlaku. Manakala dari segi yang lain pula, ia adalah bentuk pengabdian seorang hamba kerana hadirmya perasaan berhajat dan bergantung kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Berdasarkan ini, do'a mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**Maksudnya:** "Tidak ada sesuatu yang lebih mulia di sisi Allah Ta'ala daripada do'a."

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

**Keistimewaanumat Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi Wasallam berhubung dengan do'a**

Al-Hakim at-Tirmidzi Rahimahullah dalam kitab Nawadir al-Ushul mengatakan bahawa umat Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam adalah umat yang diberikan keutamaan dari segi do'a berbanding umat-umat lain. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

**Tafsirnya:** "Dan Tuhan kamu berfirman: 'Berdo'alah kepadaKu nescaya Aku memperkenankan do'a kamu.'"

(Surah Ghafir: 60)

Perintah berdo'a kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala berserta do'a yang dikabulkan Allah Subhanahu wa Ta'ala itu pada asalnya adalah bagi para Anbiya' 'Alaihimussalam. Kemudian ia diberikan kepada umat Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam sepertimana diberikan kepada para Anbiya' 'Alaihimussalam sebelum ini.

Maka apabila masuk percampuran dalam keadaan-keadaan umat Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam itu, iaitu percampuran dari segi syahwat yang menguasai hati mereka, terhijablah hati mereka daripada do'a yang dikabulkan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Oleh yang demikian, puasa itulah yang menahan dan melindungi diri daripada dikuasai oleh syahwat. Jika dia meninggalkan panggilan syahwatnya disebabkan puasa, hatinya akan menjadi

suci dan do'anya akan dilakukan dengan hati yang kosong yang terlepas daripada kegelapan syahwat dan dipenuhi cahaya. Maka dalam keadaan ini, do'anya akan dikabulkan.

Jika apa yang dido'akannya itu sudah ditakdirkan baginya, maka ia akan dikabulkan dengan cepat baginya. Jika ia bukan apa yang ditakdirkan baginya, maka ia akan menjadi simpanan pahala baginya pada hari akhirat.

### Bulan Ramadhan antara waktu do'a mudah dikabulkan

Allah Subhanahu wa Ta'ala memerintahkan dan mendorong hambaNya untuk sentiasa berdo'a dan memohon kepadaNya pada bila-bila masa. Dia telah berjanji untuk memakbulkan permohonan mereka, bahkan Allah Subhanahu wa Ta'ala malu jika menolak permintaan hambaNya dengan tangan kosong. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

**Tafsirnya:** "Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku, maka (katakan kepada mereka): Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku perkenankan permohonan orang yang berdo'a apabila dia berdo'a kepadaKu..."

(Surah al-Baqarah: 186)

Salman al-Farisiy Radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**Maksudnya:** "Sesungguhnya Tuhan kamu itu Pemalu lagi Pemurah, Dia malu kepada hambaNya apabila (berdo'a) mengangkat kedua tangannya memohon kepadaNya, dan mengembalikan kedua tangannya dengan tidak memberikannya apa-apa (daripada rahmatNya)."

(Hadits riwayat Abu Daud)

Bahkan terdapat beberapa waktu atau saat-saat atau keadaan-keadaan yang tertentu yang mana apabila seseorang itu berdo'a pada waktu atau keadaan tertentu itu, do'anya lebih mudah dan cepat dikabulkan berbanding di waktu atau keadaan lain. Di antara waktu dan keadaan tersebut adalah bulan Ramadhan. Ini kerana bulan Ramadhan adalah bulan yang agung, bulan yang mulia lagi berkat serta dibukakan pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka.

Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa apabila tiba bulan Ramadhan, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**Maksudnya:** "Sesungguhnya telah datang kepada kamu bulan Ramadhan, bulan yang diberkati, Allah fardhukan ke atas kamu (di dalam bulan Ramadhan ini) berpuasa, dibuka dalamnya (dalam bulan Ramadhan) pintu-pintu syurga, dikunci dalamnya pintu-pintu neraka, dan dibelenggu dalamnya syaitan-syaitan."

(Hadits riwayat Ahmad)

### Banyakkan berdo'a ketika berpuasa

Sunat bagi orang yang berpuasa itu untuk sentiasa membasahkan bibirnnya dengan zikir dan do'a sepanjang hari dia menjalani ibadat puasa.

Sesungguhnya ibadat puasa yang dilakukan dengan penuh keimanan dan ketaqwaan akan membolehkan seseorang itu hampir kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dengan demikian akan memudahkan lagi segala zikir dan do'anya diterima dan dikabulkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Oleh itu, sunat bagi orang yang berpuasa, iaitu pada ketika dia sedang berpuasa, untuk berdo'a memohon kepentingan-kepentingan akhirat dan dunia bagi dirinya, bagi sesiapa yang dia suka dan bagi kaum muslimin amnya.

Tambahan lagi, do'a orang yang berpuasa itu tidak ditolak sebagaimana

hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

**Maksudnya:** "Tiga golongan yang tidak ditolak do'a mereka: Orang yang berpuasa sehingga dia bersungcai, imam (pemerintah) yang adil dan do'a orang yang dizalimi."

(Hadits riwayat at-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Menurut Imam al-Munawi Rahimahullah, yang dimaksudkan daripada lafaz hadits 'sehingga dia bersungcai' itu ialah apabila seseorang itu berpuasa dengan sempurna yang menjaga keseluruhan anggotanya daripada kesalahan-kesalahan (iaitu kesalahan-kesalahan yang boleh merosakkan puasa), maka dimakbulkan do'anya disebabkan jasadnya yang bersih kerana melawan hawa nafsu.

### Berdo'a sejeurus selepas bersungcai

Disunatkan juga untuk membaca do'a sejeurus selepas bersungcai.

Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah ketika mensyarahkan kitab Minhaj ath-Thalibin terangkan Imam an-Nawawi Rahimahullah menerangkan dalam kitab beliau:

**Maksudnya:** "(Dan) sunat hukumnya [untuk mengatakan ketika bersungcai] iaitu selepasnya (bersungcai)..."

As-Sayyid al-Bakri Rahimahullah juga menegaskan:

**Maksudnya:** "Dan katanya (Imam Zainuddin al-Malibari Rahimahullah): selepas bersungcai, maksudnya (hukum sunat berdo'a itu terhasil) selepas terjadinya sungcai itu, bukan sebelumnya dan bukan pada ketika itu."

Sunat bagi seseorang itu sejeurus selepas bersungcai untuk membaca do'a-do'a, antaranya seperti berikut:

Diriwayatkan dalam hadits *mursal* daripada Mu'adz bin Zuhrah Radhiallahu 'anhu, bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam membaca do'a ini selepas bersungcai:

اللَّهُمَّ لَكَ سَمِعْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَقْبَلْتُ

**Maksudnya:** "Ya Allah! KeranaMu aku telah berpuasa dan di atas rezekiMu, aku telah bersungcai."

Menurut al-Mutawalli Rahimahullah, sunat untuk menambah do'a berikut:

وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ ، وَبِكَ آمَنْتُ ، وَلِرِزْقِكَ رَجَوْتُ ، وَإِلَيْكَ أُنِيتُ

**Maksudnya:** "Dan kepadaMu sahaja aku telah berserah diri, dan kepadaMu aku telah beriman, dan terhadap rahmatMu aku telah berharap, dan kepadaMu aku telah kembali."

Menurut al-Maqdisi Rahimahullah, elok juga untuk menambah selepasnya do'a berikut:

سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ تَتَبَّلُ بِمَا أَنْتَ الشَّيْخُ الْعَلِيمُ ، اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَزُورٌ حُبُّ الْعَفْوِ قَاعُفٌ عَنِّي

**Maksudnya:** "Dengan kesucianMu dan dengan segala pujianMu, terimalah daripada kami (segala amal ibadat kami), sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Ya Allah! Sesungguhnya Engkau (Tuhan) Yang Maha Pengampun yang menyukai pengampunan, maka ampunilah aku."

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhu, bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam membaca do'a ini selepas bersungcai:

ذَهَبَ الظَّنُّ وَأَنْتَبَتِ الْعُرْوَةُ وَثَبَتَ الْأَجْرُ إِذْ شَاءَ اللَّهُ

**Maksudnya:** "Telah hilang kehausan dan telah basah urat-urat dan pasti dikurniakan pahala dengan kehendak Allah."

إرشاد  
حقوق

IRSYAD HUKUM

جَاهُتِ مَعِيَ كَلِّحَانِ  
بِحَمْدِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

Diriwayatkan bahawasanya Ibnu 'Umar Radhiallahu 'anhu membaca do'a ini:

يَا وَاسِعَ الْمَغْفِرَةِ اغْفِرْ لِي

**Maksudnya:** "Wahai (Tuhan) Yang Maha Luas kelebihanNya ampunilah aku."

Diriwayatkan daripada Mu'adz bin Zuhrah Radhiallahu 'anhu, bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam membaca do'a ini:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَانِي فَصُمْتُ ، وَرَزَقَنِي فَأَقْبَلْتُ

**Maksudnya:** "Segala puji-pujian bagi Allah yang telah menolongku maka dapatlah aku berpuasa, dan telah memberi rezeki kepadaku maka dapatlah aku terbuka."

Diriwayatkan daripada Ibnu Abi Mulaikeh Radhiallahu 'anhu, bahawasanya beliau mendengar 'Abdullah bin 'Umar Radhiallahu 'anhu membaca do'a ini selepas bersungcai:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِي

**Maksudnya:** "Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepadaMu dengan rahmatMu yang meliputi segala sesuatu agar Engkau mengampunkanku."

Apabila bersungcai di tempat orang lain pula, elok dibaca do'a sebagaimana yang dibaca oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam ketika Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam berkunjung bersungcai di rumah Sa'ad bin 'Ubadah Radhiallahu 'anhu:

أَكَلْ طَعَامَكُمْ الْأَثَرِ ، وَصَلَّتْ عَلَيْكُمْ الْمَلَائِكَةُ ، وَأَقْبَلَتْ عَنْكُمْ السَّائِمُونَ

**Maksudnya:** "Orang-orang yang baik makan makanan kamu, dan semoga malaikat memohonkan rahmat buat kamu, orang-orang yang berpuasa bersungcai ditempat kamu."

### Kesimpulan

Kita sepatutnya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana betapa banyak nikmat dan rahmat yang telah Allah Subhanahu wa Ta'ala kurniakan kepada hambaNya yang beriman. Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menjadikan keseluruhan bulan Ramadhan sebagai waktu yang dimakbulkan do'a. Tidak cukup dengan itu, Allah Subhanahu wa Ta'ala menjanjikan lagi dua waktu, iaitu apabila seseorang itu sedang berpuasa dan waktu sejeurus selepas bersungcai sebagai waktu-waktu yang tidak ditolak do'anya.

Oleh itu, manfaatkanlah bulan Ramadhan sebaik-baiknya dengan memperbanyakkan amal ibadat kita, khususnya berzikir dan berdo'a di bulan Ramadhan yang mulia dan penuh berkat.

# UNISSA BANTU MASYARAKAT PEDALAMAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**TEMBURONG**, Isnin, 26 April. - Dalam meraih keberkatan bulan Ramadan yang mulia ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan aktiviti berkebakikan, iaitu Ramadan Food Drive Ke-6 dengan memberikan bantuan makanan asasi dan keperluan perbelanjaan untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh keluarga yang memerlukan.

Ramadan Food Drive Ke-6 adalah salah satu program tahunan aktiviti pelajar UNISSA di

bawah Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2021.

Seramai 17 buah keluarga di Kampung Buda-Buda, Belais dan Kampung Selapon, Daerah Temburong menerima sumbangan tersebut.

Hadir menyempurnakan penyerahan sumbangan tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sumbangan ini adalah hasil daripada derma yang dihulurkan oleh warga UNISSA, di samping Projek-projek Jualan Amal dan

Aktiviti Riadah yang dianjurkan oleh MPP UNISSA serta sumbangan daripada pihak individu.

Program merupakan kali keenam diadakan bertujuan untuk mendekati dan menolong masyarakat di kawasan kampung pedalaman yang memerlukan bantuan, di samping menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman

baharu bagi mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Ia juga sebagai platform dakwah dalam usaha untuk menanamkan sikap keprihatinan dan pemedulian kepada masyarakat luar.

Terdahulu sebelum itu, MPP UNISSA menghidupkan suasana Ramadan dengan mengimarahkan Masjid Perpindahan Kampung Rataie, Daerah Temburong dengan

mengadakan gotong-royong menyediakan juadah berbuka dan seterusnya mengagih-agihkan kepada masyarakat sekitar Daerah Temburong.

Para pelajar juga ikut serta dalam acara Tahlil, Sembahyang Sunat Tarawih dan Tadarus di masjid berkenaan bersama dengan Ahli Jawatankuasa Masjid.



REKTOR UNISSA semasa menyampaikan bantuan berupa makanan asasi kepada salah sebuah keluarga yang memerlukan pada Ramadan Food Drive Ke-6 tersebut (atas), manakala gambar kiri, para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA semasa mengadakan gotong-royong menyediakan barangan yang diagih-agihkan.



## MINDA PEMBACA

### Keutamaan meminum air kosong

**A**IR kosong seharusnya menjadi minuman utama bagi setiap orang. Kita disarankan agar meminum lapan gelas air kosong setiap hari dan hendaklah tidak berlebihan daripada keperluan badan kita. Air kosong mempunyai banyak keutamaan untuk kita menjalani kehidupan, terutamanya dari segi kesihatan.

Dengan meminum air kosong, metabolisme dalam tubuh badan seseorang akan meningkat. Pembakaran lemak akan menjadi lebih cepat dan ia juga bagus untuk menurunkan dan mengawal berat badan.

Sekiranya kita sedang berdiet, amalan meminum air kosong segelas setengah jam sebelum makan dapat mengurangkan kuantiti pengambilan makanan daripada kebiasaannya.

Selain itu, air kosong sangat bagus untuk sistem imun dalam badan yang boleh melawan jangkitan kuman dan pelbagai penyakit, termasuk sakit kepala. Sakit kepala berpunca daripada kekurangan oksigen dan kekurangan air. Dengan meminum air kosong, sel-sel merah akan dapat dirangsang untuk tumbuh lebih cepat, sekali gus melancarkan oksigen ke dalam darah.

Penyakit sakit pinggang dan batu

karang juga boleh dicegah dengan memperbanyakkan meminum air kosong. Antara punca utama penyakit ini adalah kurang meminum air kosong yang menyebabkan pundi air kencing tidak dapat memproses dengan baik. Dengan mengamalkan minum air kosong, ia dapat membantu membersihkan usus perut serta bagus untuk mengatasi atau mencegah sembelit. Ia berfungsi sebagai detoks dan melancarkan proses buang air besar.

Pengambilan air kosong juga memberi manfaat kepada kecantikan kulit. Kulit akan cukup terhidrat sehingga dapat mengurangkan proses

penuaan kulit. Ia menjadikan kulit kelihatan sihat, lembap, lembut dan bebas kedutan.

Terdapat banyak lagi kebaikan yang dapat diperoleh dengan meminum air kosong. Air kosong merupakan minuman terbaik untuk memenuhi keperluan cairan tubuh. Pilihlah air kosong sebagai minuman harian daripada minuman-minuman yang lain.

Nama : Nur Risalah binti Rusli  
No. K/P : 01-072846

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Meningkatkan Amalan Di Bulan Ramadan'. Tarikh Tutup : 28 April 2021
2. 'Rakan Sebaya Berperanan Dalam Membentuk Jati Diri'. Tarikh Tutup : 5 Mei 2021
3. 'Manfaat Menabung Untuk Masa Depan'. Tarikh Tutup : 12 Mei 2021

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# ERAT SILATURAHIM BERSAMA MUALAF

**TUTONG**, Selasa, 27 April. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bersama rombongan Urusetia Program Keagamaan Belia mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran pada bulan Ramadan sebagai salah satu usaha dalam mendekatkan lagi hubungan silaturahmi bersama mualaf yang menetap di Daerah Tutong.

**PENGARAH** Pusat Da'wah Islamiah, **Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh** semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima.

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

Majlis tersebut berlangsung di rumah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung selaku Penasihat Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baharu Kampung Kiudang Mungkom (BASKIM) di Jalan Kecil Kiudang, hari ini, di sini.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh. Turut hadir ialah Pemangku Ketua Kampung Kiudang dan Kampung Padnunok, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan Majlis Tadarus dipimpin oleh ketua rombongan. Majlis diteruskan dengan bacaan

Tahlil yang dipimpin oleh ahli Persatuan BASKIM.

Antara pengisian majlis ialah penyampaian buku wakaf dan buku terbitan PDI, berbuka puasa dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah.

Antara objektif majlis ini diadakan adalah untuk menggalakkan para mualaf untuk sama-sama mengimarahkan masjid, surau, balai ibadat, pos dakwah dan juga rumah kegiatan agama di kawasan masing-masing.

Di samping itu juga ia bertujuan untuk mengajak para mualaf bagi sama-sama menghayati bulan Ramadan dengan melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti membaca Al-Quran, Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir secara berjemaah.

Aktiviti seumpama ini juga merupakan salah satu syiar bagi melicinkan gerakan-gerakan dakwah. Majlis diakhiri dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Berjemaah.

**ANTARA** yang menyertai Majlis Tadarus Al-Quran berkenaan.



## Bantu warga memerlukan

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei**

**TUNGKU LINK**, Selasa, 27 April. - Dalam usaha meningkatkan amal kebajikan pada bulan Ramadan yang mulia ini, Universiti Teknologi Brunei (UTB) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar UTB (MPPUTB) mengunyahkahkan Ramadan Drive 4.0 yang diadakan buat kali keempat baru-baru ini, di sini.

Inisiatif ini bermula pada tahun 2018 dan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan universiti untuk mendekati masyarakat dan memberi bantuan dalam meringankan beban mereka yang memerlukan.

Lebih daripada BND8,000 dan pelbagai barangan diterima daripada kakitangan dan mahasiswa UTB pada tahun ini yang bermula sejak 7 April lalu.

Di bawah Ramadan Drive 4.0,

terdapat banyak usaha-usaha yang telah dilakukan termasuk Kempen Derma untuk keluarga kurang bernasib baik; Program Wakaf; Sumbangan untuk Keperluan Tanah Perkuburan Islam dan lain-lain.

Seramai 12 keluarga yang kurang bernasib baik telah menerima sumbangan tersebut dari keempat-empat daerah. Antara barang yang disumbangkan, termasuk kerusi roda, barang keperluan harian, bekalan makanan isi rumah, peralatan pembersihan dan peralatan mandian.

Penyampaian sumbangan wakaf pula diedarkan ke masjid-masjid terpilih dengan harapan barang-barang tersebut dapat memberikan manfaat kepada masjid-masjid tersebut.

Beberapa keperluan yang disumbangkan termasuk set fardu kifayah, mesin pemotong rumput, pembersih vakum, kipas, peralatan pembersihan dan lain-lain. Kedua-dua acara kebajikan tersebut telah diserahkan mulai 24 hingga 28 April 2021.

Satu lagi program baharu berjudul keperluan Derma untuk Tanah Perkuburan Islam. Ia adalah bertujuan untuk menyediakan keperluan asas dalam menjaga tanah perkuburan.

Sumbangan tersebut telah diserahkan ke tanah perkuburan di daerah Brunei dan Muara pada 24 April lalu. Antara barang yang disumbangkan adalah payung, penyapu logam, kerusi dan peralatan pembersihan.

Rombongan diketuai oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dayangku Ida Nurul-Fitri binti Pengiran Haji Kahar bersama kakitangan dan mahasiswa universiti tersebut.



**UNIVERSITI** Teknologi Brunei (UTB) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar UTB (MPPUTB) semasa mengunyahkahkan Ramadan Drive 4.0 bagi keluarga yang kurang bernasib baik.

## Rebut peluang beribadah pada bulan Ramadan



**PEGAWAI** Pelajaran Ugama di Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling), Pusat Da'wah Islamiah, **Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar** semasa Ceramah Khas Bulan Ramadan tersebut.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**  
**Foto : Ihsan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 April. - Kita panjatkan kesyukuran kerana dipertemukan lagi pada bulan kemuliaan yang disediakan dengan ganjaran pahala yang luas dan dari itu, kita wajar memanfaatkannya dengan semaksima mungkin.

Kita rebutlah peluang yang ada ini dengan pengisian segala amal ibadah serta meningkatkan ketakwaan kita agar Ramadan kali ini menjadi yang lebih baik daripada sebelumnya kerana kita belum pasti akan bertemu bulan Al-Mubarak ini pada tahun akan mendatang.

Pegawai Pelajaran Ugama di Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling), Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar menekankan perkara tersebut pada Ceramah Khas Bulan Ramadan yang berlangsung baru-baru ini, anjuran Unit Rujukan Umum dan Sumber Elektronik, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Pusat.

Beliau seterusnya menyatakan, puasa bukan sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga tetapi menjaga keseluruhan pancaindera daripada berbuat perkara yang dilarang.

Dalam tajuk ceramahnya 'Mendidik Rohani dan Jasmani di bulan Ramadan' juga menjelaskan bahawa dalam menunaikan ibadah puasa, beberapa Sunnah Rasulullah yang dapat kita ikuti, antaranya bersahur, sedekah, memperbanyakkan membaca Al-Quran, berzikir, tarawih, kerana semua itu sebahagian usaha untuk mendapatkan kebaikan malam yang kita semua harapkan, iaitu Lailatul Qadar.

Selain itu, katanya, kita juga jangan sekali-kali lupa untuk memedulikan dan prihatin terhadap golongan yang memerlukan, antaranya anak-anak yatim dan fakir miskin.

Begitulah natijah kita melaksanakan puasa kerana amalan-amalan yang kita praktikkan pada bulan suci ini akan terus-menerus dilakukan pada bulan-bulan berikutnya.

Hadir sama mengimarahkan ceramah berkenaan, para pegawai dan kakitangan Perpustakaan DBP Pusat serta para Muslimah dan belia Masjid Limau Manis.

# INSAN ISTIMEWA TIDAK DILUPAKAN



PROJEK Ramadhan Riang Ria Buat Insan Istimewa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai yang menyumbangkan barang-barang seperti kerusi roda, tongkat juga barang-barang yang boleh membantu perkembangan golongan istimewa (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 April. - Ramadhan Riang Ria Buat Insan Istimewa yang diadakan baru-baru ini, bertempat di Peak Performance, RBRC Main Building berjalan dengan jayanya walaupun hanya mengambil masa yang agak pendek, iaitu selama dua hari bagi menerima sumbangan daripada orang ramai.

Salah seorang Ahli Kumpulan Dash Team, iaitu penganjur acara, Awang Haji Khairul Nazif bin Haji Damit ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, melahirkan rasa syukur kerana alhamdulillah projek Ramadhan Riang Ria Buat Insan Istimewa mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada orang ramai.

Jelasnya, mungkin ia satu kesempatan yang terbesar dan ganjaran yang perlu diraih oleh setiap orang kerana ia dibuat di bulan Ramadan yang mulia ini.

"Sasaran untuk projek ini adalah insan-insan istimewa, iaitu golongan kanak-kanak yang berkeperluan khas dan orang-orang yang kurang upaya juga mereka yang memerlukan daripada Pusat Bahagia dan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak.

Saya juga berasa terharu apabila orang ramai menyumbangkan barang-barang khusus untuk golongan istimewa ini, seperti kerusi roda dan tongkat juga barang-barang yang boleh membantu perkembangan mereka ini," ujarnya.

Dari segi alat permainan yang disumbangkan pula, katanya, ia boleh membantu memajukan perkembangan fizikal dan mental mereka.

Menurutnya, dengan adanya acara seperti ini, ia menyedarkan, sekali gus membuka mata dan hati para ahli yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Acara ini juga berjaya mencapai objektif dan misinya, iaitu antaranya bagi sama-sama bersatu membantu mereka yang istimewa, sementara di masa hadapan, mudah-mudahan projek ini akan dapat diteruskan ke pusat-pusat yang lainnya.

## Kemalangan ragut nyawa warga emas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



INSIDEN kemalangan dua buah kereta yang berlaku di kawasan Kampung Tanah Jambu, Muara.

**MUARA**, Isnin, 26 April. - Seorang pemandu, warga emas, meninggal dunia selepas terlibat dengan kemalangan dua buah kereta yang berlaku di kawasan Kampung Tanah Jambu, Muara.

Laporan kemalangan disahkan diterima oleh Balai Polis Muara, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Talian Kecemasan 993, pada 26 April 2021, sekitar jam 2.39 petang, yang memaklumkan mengenai kemalangan di antara dua kereta dan melibatkan kecederaan.

Pihak penyiasat yang bertugas segera ke tempat kejadian dan menjalankan siasatan.

Hasil daripada kumpulan maklumat, mangsa yang meninggal dunia merupakan seorang lelaki, berumur 83 tahun dan disahkan meninggal dunia di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Bandar Seri Begawan (BSB) oleh doktor petugas.

Manakala pemandu bagi sebuah kenderaan lagi turut mengalami kecederaan dan ketika ini masih dirawat dan menjalankan pemantauan di Hospital RIPAS, BSB.

Punca kemalangan masih dalam siasatan pihak polis.

PPDB menegaskan kepada orang ramai agar tidak memandu jika dalam keadaan tidak sihat atau dalam keadaan mengantuk, sentiasa berwaspada dan peka terhadap keadaan sekeliling.

Jangan memandu laju dan bersikap mementingkan diri sendiri, tanamkan sikap bertolak ansur dan bertimbang rasa, tanggungjawab hendaklah ditანი bersama dalam menjaga keselamatan diri sendiri juga pengguna jalan raya lainnya.

## 2 buah kedai cuci kereta diperiksa



OPERASI Langis JIPK menyasarkan dua buah kedai cuci kereta, iaitu Kedai Cuci Kereta No.46, Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong dan Kedai Cuci Kereta Simpang 122, Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 April. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengingatkan kepada orang ramai bahawa pihak JIPK akan sentiasa menjalankan operasi, menangkap, menyiasat serta mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana orang yang menyalahi undang-undang mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan.

Bagi mana-mana warganegara asing di negara ini yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan dan jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah, dipenjarakan dan diusir ke negara asal dan nama-nama mereka disenaraihitamkan.

Tujuan operasi / pemeriksaan adalah bagi melaksanakan rondaan, operasi dan pemeriksaan berdasarkan kepada maklumat dan kerjasama daripada orang ramai berbandukan kepada maklumat yang terkumpul, sama ada secara persendirian atau bersama agensi penguatkuasaan yang lain; menguatkuasakan Akta dan Peraturan Imigresen, Akta dan Peraturan Pasport dan

memastikan ia dipatuhi serta dalam usaha mengesan pesalah imigresen; selain bagi menguatkuasakan Perintah Pencegahan Penyeludupan Orang 2019 dan Perintah Anti Permerdagangan Orang 2019 dan apa juga kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Operasi Langis JIPK 57/2021 hari ini menyasarkan dua buah kedai cuci kereta iaitu Kedai Cuci Kereta No.46, Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong dan Kedai Cuci Kereta Simpang 122, Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong.

Operasi dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JIPK, Bandar Seri Begawan (BSB), diketuai oleh Pemangku Ketua Pegawai Imigresen berserta 12 orang anggota.

Pemeriksaan ke atas kedua-dua buah kedai cuci kereta tersebut dijalankan secara serentak. Semasa pihak Penguatkuasaan Undang-undang JIPK tiba di lokasi, kesemua warga asing tersebut

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Imigresen dan  
Pendaftaran Kebangsaan

didapati sedang membuat kerja mencuci kereta. Di lokasi No. 46 Kampung Mulaut, empat orang warga asing diperiksa dan kesemua mereka ditahan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c) kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

Manakala pemeriksaan yang dijalankan di alamat Simpang 122 Kampung Mulaut, pihak Penguatkuasaan Undang-undang JIPK memeriksa seorang lelaki warga asing.

Lelaki warga asing tersebut juga ditahan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c) kerana gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

Kesemua lima warga asing tersebut ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang JIPK BSB untuk disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17 dan tindakan selanjutnya.

Kesimpulannya, JIPK akan sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan dengan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berbandukan kepada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 dan +673 8753888.

# Vaksinasi : Tidak perlu risau setelah disuntik



**AWANG** Haji Abdul Halim bin Haji Lamat ketika ditemu bual.

**BERAKAS**, Isnin, 26 April. - Vaksinasi merupakan langkah yang paling efektif untuk melindungi diri sendiri, orang yang tersayang dan masyarakat daripada kesan bahaya COVID-19.

Dalam jangka masa sederhana dan panjang, semakin ramai orang diberi vaksin, semakin tinggi tahap kekebalan penduduk terhadap penyakit tersebut dan ini dapat mengurangkan kesan COVID-19 terhadap kesihatan awam juga masyarakat.

Faedah dan kelebihan yang diperoleh dari vaksin COVID-19 adalah jauh lebih baik daripada risiko mendapat jangkitan.

Perkara tersebut, antara yang



**AWANG** Abdul Rahman bin Haji Jumahat ketika ditemu bual.

dikongsikan oleh beberapa orang warga emas yang ditemui semasa Pelita Brunei membuat tinjauan ke Pusat Vaksinasi COVID-19, di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Menurut Awang Abdul Rahman bin Haji Jumahat, berusia 65 tahun, orang ramai, khususnya warga emas tidak perlu ragu-ragu untuk mendapat suntikan vaksin COVID-19 kerana ia bukan saja untuk kebaikan diri sendiri, malah juga semua orang di sekeliling.

Awang Abdul Rahman dari Kampung Belimbing, Jalan Subok, seterusnya menyarankan agar mereka yang ingin mendapatkan suntikan vaksin boleh datang terus ke pusat-pusat vaksinasi, di

keempat-empat daerah.

Manakala, bagi Awang Haji Abdul Halim bin Haji Lamat, berusia 79 tahun, yang datang secara sukarela ke pusat berkenaan berasa yakin dengan vaksin yang diberikan dan tidak lagi berasa risau setelah menerima suntikan tersebut.

"Seperti mana juga di negara-negara lain, untuk menyelamatkan rakyat dan penduduk dari jangkitan COVID-19, kita seharusnya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberikan suntikan vaksin ini secara percuma, bukan saja bagi rakyat dan penduduk tempatan, malah termasuk juga warga asing," jelasnya lagi.

Sehingga hari ini, sejumlah 344 warga emas telah menerima suntikan Vaksin COVID-19 di keempat-empat daerah dan dari jumlah tersebut, seramai 83 daripada warga emas di Daerah Brunei dan Muara menerima dos pertama suntikan Vaksin COVID-19 AstraZeneca.

Fasa Pertama Program Vaksinasi COVID-19 adalah diberikan kepada Petugas Barisan

**WARGA** emas yang berumur 60 tahun ke atas juga termasuk dalam Fasa Pertama Program Vaksinasi COVID-19.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Hadapan, termasuk petugas-petugas kesihatan (*healthcare workers*) di sektor kerajaan dan swasta, anggota-anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, petugas-petugas yang akan memberikan vaksin-vaksin tersebut, petugas-petugas yang berkaitan dengan kuarantin, mereka yang terlibat di pos-pos kawalan, para sukarelawan dan lain-lain lagi.

Warga emas yang berumur 60 tahun ke atas juga termasuk dalam Fasa Pertama program tersebut, di samping pelajar-pelajar yang akan menuntut di luar negara dan para diplomat.

Suntikan Vaksin COVID-19 diberikan secara Intramuscular (Intramuscular) pada otot lengan atas dan ia akan diberikan sebanyak dua dos, selang dua ke 12 minggu, bergantung pada jenis vaksin yang diberikan.

Kementerian Kesihatan sedang membarigakan tentang Program Vaksinasi COVID-19 kepada orang ramai dan semua maklumat akan dimuat naik ke dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan, [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) dan di media sosial Kementerian Kesihatan.

Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 bagi sebarang pertanyaan mengenainya.



## Tip KESIHATAN

### KAWAL, ELAKKAN GASTRIK KETIKA BERPUASA

**K**EDATANGAN bulan Ramadan amat dinanti-nantikan oleh umat Islam di seluruh dunia. Namun ada sesetengah individu akan mudah terkena sakit perut atau gastrik, terutamanya pada beberapa hari terawal puasa.

Ini berlaku kerana dalam bulan puasa, pola pemakanan kita akan berubah. Pada waktu pagi, semasa perut kosong, peningkatan asid di dalam perut boleh berlaku dan menyebabkan keradangan perut, loya, muntah atau berasa pedih pada ulu hati.

Justeru, bagi pesakit gastrik atau awda yang selalu sakit perut bila lewat makan, berikut adalah beberapa tip bagi membantu awda mengawal gastrik agar dapat berpuasa dengan lebih lancar dan selesa.

#### Jenis makanan dan minuman yang perlu dielakkan

1. Makanan bergoreng.
2. Makanan pedas dan berempah.
3. Makanan di dalam tin kerana ia mengandungi asid yang tinggi.
4. Minuman bergas.
5. Makanan yang mempunyai asid tinggi seperti limau, oren dan tomato.
6. Minuman yang tinggi kandungan kafein seperti teh dan kopi.
7. Makanan yang diproses seperti sosej dan nugget.

#### Ketika berbuka

Ketika berbuka, makanlah dalam kuantiti yang sederhana. Elakkan makan terlalu banyak dan jarakkan pengambilan makanan.

Contohnya, jika awda boleh berbuka dengan buah kurma dan segelas air seterusnya Sembahyang Fardu Maghrib terlebih dahulu, kemudian barulah makan nasi bersama lauk pauk dalam kuantiti sederhana.

Selesai Sembahyang Sunat Tarawih pula, banyakkann makan buah-buahan yang tidak berasid, biskut oat atau roti.

#### Ketika bersahur

Sebaik-baiknya lewatkan sahur iaitu ketika hampir waktu Imsak. Cuba elakkan makan

sahur terlalu awal, contohnya jam 2.00 atau 3.00 pagi dan tidur semula sehingga pagi.

Awda digalakkan minum segelas susu semasa sahur. Hal ini dapat mengurangkan simptom gastrik dan Ulser Peptic. Tabiat tidur selepas selesai sahur atau berbuka boleh menyebabkan gastrik dan masalah pencernaan.

#### Minum air kosong

Minum air kosong secukupnya sepanjang malam pada bulan Ramadan. Ramai yang terlupa minum air kosong sebab macam-macam jenis minuman yang menggiurkan dijual di Gerai-gerai Ramadan.

Air kosong penting bagi melancarkan sistem pencernaan dan mengelakkan gastrik atau sakit perut yang dihadapi pada siang hari. Mengikut saranan pakar kesihatan, awda sepatutnya boleh mencukupkan lapan gelas air kosong setiap hari.

#### Makanan dan minuman yang digalakkan

Banyakkann makan makanan karbohidrat kompleks atau yang berasaskan bijirin gandum seperti beras perang, kacang badam dan oat.

Cuba gunakan teknik memanggang atau kukus untuk mengelakkan makanan bergoreng dan berminyak. Selain air kosong, awda boleh minum susu atau *smoothie* buah-buahan yang tidak berasid seperti kurma dan pisang.

Selain mengawal pemakanan, cuba elakkan stres dan amalkan gaya hidup sihat. Beberapa kajian menyatakan bahawa stres boleh menyebabkan peningkatan asid perut.

Jika kerap sakit, berbincanglah dengan doktor tentang keadaan awda berkaitan masalah yang dihadapi ketika berpuasa. Selamat berpuasa.





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**



**SEBUT HARGA PROGRAM HARAPAN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 13 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN ANAK PUTERI BESAR, SUNGAI KEBUN
2. SEKOLAH RENDAH SUNGAI SIAMAS
3. SEKOLAH RENDAH BENDAHARA LAMA DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK : PH/ST1 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 14 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH SABA DARAT 'B'
2. SEKOLAH RENDAH HAJI TARIF
3. SEKOLAH PEHIN DATO JAMIL DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST2 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 15 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH PINTU MALIM
2. SEKOLAH RENDAH SULTAN ABDUL BUBIN, SUNGAI BESAR
3. SEKOLAH RENDAH BATU MARANG DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST3 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 16 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

SEKOLAH RENDAH TANJONG KINDANA DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST4 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 17 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

SEKOLAH DATO HJ MOHD YASSIN, KAMPUNG PERPINDAHAN MENTIRI, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST5 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 18 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH ABDUL RASHID TANJONG MAYA
2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG MENENGAH, DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST6 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 19 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD ALAM
2. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN SETIA NEGARA PENGIRAN HJ MOHD YUSOF, DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST7 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 20 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH PANAGA, DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST8 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 21 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH PUNI
2. SEKOLAH RENDAH SULTAN HASHIM, BATU APOI
3. SEKOLAH RENDAH RATAIE DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST9 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 22 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH PANCHOR MURAI

2. SEKOLAH RENDAH PANGLIMA BERUDIN, LIMA MANIS
3. SEKOLAH RENDAH PUTAT DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST10 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 23 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

SEKOLAH RENDAH SERASA, MUARA DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST11 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 24 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA ALI WANIKA SETIA DIRAJA, KUPANG DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST12 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 25 / 2021 / 2022  
[BPPA-APRIL-2021]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENUSU BAGI :

SEKOLAH RENDAH LABU ESTATE DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI KOD BLOK: PH/ST13 BAGI TEMPOH LIMA [5] BULAN

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND5.00  
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup dan Waktu :**  
8 Mei 2021  
[Tidak lewat jam 9.00 pagi]



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAWARAN KASTAM :**  
AUCTION / 1 / 2021

**JUALAN LELONG EMAS KEPADA KEDAI-KEDAI EMAS JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Tarikh :**  
10 Mei 2021 (Isnin)  
&  
11 Mei 2021 (Selasa)

**Jam :**  
9.00 Pagi hingga  
12.00 Tengah Hari

**Tempat :**  
Ibu Pejabat  
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja  
Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910  
Negara Brunei Darussalam.



**Tarikh Tutup Tawaran :**  
25 Mei 2021, jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM**

**KELAS : II & II SAHAJA KATEGORI : [B01 SAHAJA - KOD BAHARU]**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
4 MEI 2021 (SELASA)

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
18 MEI 2021 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DTS / 03 / CQS / 2021 - T/II

**NAMA PROJEK :**  
BANTUAN PERUMAHAN GOLONGAN DAIF, FAKIR DAN MISKIN BAGI MEMBINA SEBUAH RUMAH 1 TINGKAT DI ATAS LTS 44/1989, KAMPUNG LUBOK PULAU, MUKIM TANJONG MAYA, DAERAH TUTONG

**BAGI MASLIH JAYA (KP 00-046000K) YURAN TAWARAN :**  
BND10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**E - DOKUMEN :**  
TIDAK ADA





**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH BESAR  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH  
PENERIMAAN DAN NOTIS  
PELEPASAN/PEMBATALAN PERINTAH  
PENGHUKUM**

**KES NO. BCY / CP / 123 / 2005**

**STANDARD CHARTERED BANK**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**DK FARINAWATIE BINTI PG SALLEH  
(BYIC No. 00-265668)**  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH  
DAN  
NOTIS PELEPASAN/PEMBATALAN  
PERINTAH PENGHUKUMAN**

SILA ambil perhatian bahawa :  
a. Satu Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang telah di lepaskan/dibatalkan pada 14 Februari 2021.

Nama Penghutang :  
**DK FARINAWATIE BINTI PG SALLEH**  
No. 21, Simpang 57,  
Jalan 6, RPN kg. Lambak Kanan  
BC3115  
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh : 7 April 2021

**NUUROR-RAHEEBAH BINTI HAJI  
ABD WAHAB**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN  
DAN NOTIS PERJUMPAAN  
PEMIUTANG PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 132 / 2020**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD (formerly  
known as IBB KREDIT BERHAD)**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**DK HAJAH MARIANI BINTI PG HAJI  
MORNI**  
(BYIC No. 00-257783)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

SILA ambil perhatian bahawa :  
a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Mac 2021.

Nama dan alamat terakhir diketahui :  
**DK HAJAH MARIANI BINTI PG HAJI  
MORNI**  
C11, Jln 83, Perpindahan Lambak  
Kanan BC 2515  
Negara Brunei Darussalam.  
Tarikh Petisyen : 10 Ogos 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 30 Mac 2021

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI  
ALAIHUDDIN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 132 / 2020**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD (formerly  
known as IBB KREDIT BERHAD)**  
- Pemiutang / Pemetisyen

**DK HAJAH MARIANI BINTI PG HAJI  
MORNI**  
(BYIC No. 00-257783)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh

6 Mac 2021.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2), Mahkamah Besar pada 21 April 2021, jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada 21 April 2021, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 30 Mac 2021

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI  
ALAIHUDDIN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 504 / 2012**

**B Aiduri Finance Berhad**  
[previously filled by HSBC Finance  
(Brunei) Berhad]  
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**NORYATI BINTI MD GERIN**  
(BYIC No. 00-129216)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 11 April 2021 telah dibatalkan pada 26 Mac 2021.

**Nama Penghutang :**  
**NORYATI BINTI MD GERIN**

**Alamat Penghutang :**  
A3, Berek 399, Kelas G,  
Lorong 3 Selatan, Seria. KB 2933  
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh : 7 April 2021

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN  
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 200 / 2015**

**Nama Penghutang** - Ramlah binti Marikan (ID No.: 00-267598). **Alamat** - No. 7, Simpang 860, Kampung Kiudang, Tutong, TE1543, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - kebangkrapan No. 200-2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 52.7 sen. **Pertama atau terakhir selainya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 15 April 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

8 April 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN  
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 431 / 2015**

**Nama Penghutang** - Dayangku Mas Juleana binti Pg Abd Rahman (ID No.: 00-274232). **Alamat** - No. 4, Simpang 77, Jalan Sungai Pandan, Kuala Belait KA1931, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - kebangkrapan No. 413-2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 34 sen. **Pertama atau terakhir selainya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 8 April 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

8 April 2021

**NUR ELEANA BINTI DATO SERI  
PADUKA HAJI HAIROL ARNI**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN  
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 169 / 2015**

**Nama Penghutang** - Siti Zariah binti Abdul Salleh (ID No.:00-277404). **Alamat** - No. 12, Simpang 46-3-58, Jalan Lasuk, RPN Perumahan Kluster Kg Lugu, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - kebangkrapan No. 169-2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 42.8 sen. **Pertama atau terakhir selainya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 15 April 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

8 April 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Negara Brunei Darussalam

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN  
PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 103 / 2011**

**Nama Penghutang** - Mohamad Khairolalimin bin Raya (ID No.: 00-286692). **Alamat** - No. 61, Jalan 82, Kampung Perpindahan Rimba, Gadong, BE3119, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - kebangkrapan No. 103-2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 74.3 sen. **Pertama atau terakhir selainya** - Pertama Bila Kena Dibayar - 15 April 2021. **Dimana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

8 April 2021

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Negara Brunei Darussalam



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH KANUN PERATURAN  
JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH, 2018**

**DALAM MAHKAMAH RENDAH  
SYARIAH  
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
DALAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN KES :  
BM/MRS/JEN-E/J008A/024/04-2019**

**Perisytiharan Menghendaki Kehadiran  
Tertuduh**

Bahawa satu waran tangkap telah dikeluarkan ke atas **AWANG BAHMIN BIN AWANG LAMAT, NO. KPP 00-271572 [KUNING]** beralamat **NO 8, SIMPANG 240-15, KAMPUNG KAPOK, JALAN MERAGANG MUARA, BT2328, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** untuk memaksanya hadir di hadapan saya bagi menjawab pertuduhan **Meminum Minuman Yang Memabukkan** yang telah dikenakan ke atasnya .

Waran tersebut telah gagal dilaksanakan kerana Tertuduh terbukti telah menyembunyikan diri [mengelakkan diri] daripada perlaksanaan waran itu.

Oleh yang demikian, satu perisytiharan dengan ini dibuat:

**AWANG BAHMIN BIN AWANG LAMAT,**  
NO. KPP 00-271572 [KUNING] beralamat  
**NO 8, SIMPANG 240-15, KAMPUNG  
KAPOK, JALAN MERAGANG  
MUARA, BT2328,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
dikehendaki hadir di hadapan  
**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH** untuk  
mernjawab pertuduhan itu [**Meminum  
Minuman Yang Memabukkan**] pada **21  
Ramadhan 1442H / 03 Mei 2021M, 9.00  
pagi** dalam masa 51 hari mulai dari tarikh  
ini.

Bertarikh : 24 Rejab 1442H /  
08 Mac 2021M

**HAKIM SYAR'IE**  
Mahkamah Rendah Syariah  
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR  
DENGAN KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN DI DALAM

KELAS : II / III  
KATEGORI : B01 & KPB02

TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
4 MEI 2021 (SELASA)

TARIKH TUTUP :  
18 MEI 2021 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DBSBM009 / 2021

NAMA PROJEK :  
KERJA-KERJA PEMBAIKAN DI  
MASJID SETIA ALI, PEKAN MUARA

NO. PROJEK :  
2021DBSBM / JUB.06

YURAN TAWARAN :  
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA  
'ARCHITECT CONSULTANCY'  
YANG BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KELAS : -  
KATEGORI : -

BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 01 / 2021

NAMA PROJEK :  
"REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
FOR ARCHITECT CONSULTANCY  
SERVICES FOR THE PROPOSED  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF  
ALI (UNISSA) - PHASE 1 : BUILDING  
WORKS (ZONE 1) AND (ZONE 3)"

DIBUKAKAN KEPADA  
'CIVIL AND STRUCTURAL  
ENGINEERING CONSULTANCY'  
YANG BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KELAS : -  
KATEGORI : -

BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 02 / 2021

NAMA PROJEK :  
"REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
FOR CIVIL AND STRUCTURAL  
CONSULTANCY ENGINEERING  
CONSULTANCY SERVICES FOR THE  
UNIVERSITI SULTAN SHARIF ALI -  
PHASE 1 : BUILDING WORKS  
(ZONE 1) AND (ZONE 3)"

DIBUKAKAN KEPADA  
'MECHANICAL AND ELECTRICAL  
CONSULTANCY' YANG  
BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KELAS : -  
KATEGORI : -

BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 03 / 2020



NAMA PROJEK :  
"REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
FOR MECHANICAL AND ELECTRICAL  
CONSULTANCY SERVICES FOR THE  
UNIVERSITI SULTAN SHARIF ALI -  
PHASE 1 : BUILDING WORKS  
(ZONE 1) AND (ZONE 3)"

DIBUKAKAN KEPADA  
'QUANTITY SURVEYOR  
CONSULTANCY' YANG  
BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KELAS : -  
KATEGORI : -

BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 04 / 2020

NAMA PROJEK :  
"REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
FOR QUANTITY SURVEYOR  
CONSULTANCY SERVICES FOR THE  
UNIVERSITI SULTAN SHARIF ALI -  
PHASE 1 : BUILDING WORKS  
(ZONE 1) AND (ZONE 3)"

TARIKH TUTUP SEMUA TAWARAN :  
4 MEI 2021 (SELASA)



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

TAWARAN KERJA-KERJA  
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN  
DAN PEMBUANGAN SAMPAH  
DI BANGUNAN-BANGUNAN  
PERPUSTAKAAN DEWAN BAHASA  
DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN  
KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga :  
03 / DBP / SH / 2021-2022

Harga Borang Tawaran :  
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
3 Mei 2021, tidak lewat  
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**



Projek :  
TAWARAN BAGI PEMBEKALAN PAPER  
BAG BERSERTA LOGO DESIGN  
PERKATAAN 'SAMBUTAN ULANG  
TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA  
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM KE-75 TAHUN'

Bilangan Tawaran :  
KHEDN / PPA / BEN(M) / 2021

Projek :  
TAWARAN BAGI MEMBEKAL BENDERA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BERUKURAN 8' X 4' UNTUK UPACARA  
PENGIBARAN BENDERA BESAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN  
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM KE-75 TAHUN BAGI  
TAHUN 2021

Tarikh Tawaran Ditutup :  
Rabu, 5 Mei 2021  
tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari

URUSETIA  
JAWATANKUASA KEBANGSAAN  
SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN  
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM  
YANG KE 75 TAHUN BAGI TAHUN 2021

Bilangan Tawaran :  
KHEDN / PPA / DIR(PB) / 2021



**JABATAN  
PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

TAJUK TAWARAN :  
TAWARAN BILANGAN PENDAFTARAN  
KENDERAAN TIGA DAN EMPAT  
ANGKA SIRI BBA  
seperti berikut :

BBA 100 hingga BBA 9999

Tarikh Tutup Tawaran :  
Isnin, 10 Mei 2021, jam 11.30 Pagi.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

TAWARAN BAGI  
PERKHIDMATAN TRAINING  
AND CONSULTANCY  
FOR THE REVIEW OF  
MINISTRY OF HOME AFFAIR'S (MOHA)  
CURRENT STRATEGIC PLAN  
AND THE DEVELOPMENT OF  
MOHA'S STRATEGIC  
PLAN 2022-2026

BIL.TAWARAN : OSM / 01 / 2021

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
11 Mei 2021,  
jam 2.00 Petang





MUKA 8

PELITA BRUNEI, Rabu 19 April, 1961.

# Peraduan2 Minggu Bahasa Daerah Brunei dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 Minggu Bahasa Daerah Brunei dan Muara untuk memilih peserta2 yang mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam pertandingan kejohanan sa-negeri ini telah di-adakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin selama lima malam berturut2 mulai dari 26 March yang lalu.

Pada tiap2 malam itu ramai orang2 dewasa dan kanak2 sekolah lelaki dan perempuan telah menyaksikan peraduan2 tersebut.

Keputusan2 peraduan2 itu ada-lah seperti di-bawah ini :

## SHARAHAN

Sharahan orang2 dewasa Melayu bahagian lelaki: Johan — Thani bin Muhammad dan naib johan — Sulaiman bin Chuchu kedua2-nya ia-lah penuntut2 dari Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei.

Sharahan orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Ang Kuang Teng dan naib johan—Chin Vui Kiong.

Sharahan murid2 yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan —Lim Eng Joo dan naib johan Lim Eng Hui.

## SAJAK

Membacha Sajak murid2 Melayu bahagian lelaki: Johan — Abu Bakar bin Awang Tengah dan naib johan — Awangku Tajuddin bin Pengiran Mohamed Yassin.

Membacha Sajak murid2 Melayu bahagian perempuan: Johan — Zahrah binti Muhammad dan naib johan — Nordiah binti Muhammad.

Membacha Sajak murid2 yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Goh Thian Ping dan naib johan — Lim Eng Loke.

Membacha Sajak murid2 yang bukan Melayu bahagian perempuan Johan — Mary Chen dan naib johan — Han Chui Yan.

Membacha Sajak orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Balwant Singh dan naib johan — Lim Eng Joo.

Membacha Sajak orang2 dewasa Melayu bahagian lelaki: Johan—A.W. Tengah dan naib johan—Sulaiman Metersad.

Membacha Sajak orang dewasa Melayu bahagian perempuan: Johan — Mordiah binti Muhammad dan naib johan — Naemah binti Awang Tengah.

## NYANYI

Peraduan nyanyian murid2 Melayu bahagian lelaki: Johan —Awangku Zaidi bin Pengiran Damit dan naib johan—Johari bin Haji Omar.

Peraduan nyanyian murid2 Melayu bahagian perempuan: Johan—Aisah binti Awang Tengah dan naib johan—Zubaidah binti Haji Pauji.

Peraduan nyanyian murid2 yang bukan Melayu bahagian

lelaki di-menangi oleh Barnard Loh.

Peraduan nyanyian murid2 yang bukan Melayu bahagian perempuan: Johan—Mary Chen dan naib johan—Nyet Han.

Peraduan nyanyian orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: Johan — Balwant Singh dan naib johan — Jack Keasbery.

Peraduan nyanyian orang2 dewasa bukan Melayu bahagian perempuan: Johan — Poong Kim Ping dan naib johan Grace Keasbery.

Peraduan nyanyian orang2 dewasa Melayu bahagian lelaki: Johan—Awangku Emran bin Pengiran Manai dan naib johan — Mohamed Hussain Razak.

Peraduan nyanyian orang2 dewasa Melayu bahagian perempuan: Johan—Aisah Sirat dan naib johan—Chegu Aminah binti Abdul Rahman.

## BAHATH

Peraduan bahath di-menangi oleh Pasokan mengandongi Mohamed Yusuf bin Muhammad, Lim Eng Loke dan Lim Eng Lui.

Hadiah2 kepada peserta2 tersebut telah di-sampaikan oleh Inche Sunny bin Ahmad, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, pada malam 30 March di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

# P.J.T. BANGGA MELAWAT KA-PAMERAN BUKU2

BANDAR BRUNEI. — "Saya berasa bangga melawat ka-Pameran Buku2 Minggu Bahasa dan menyaksikan banyak buku2 dari luar dan dalam negeri ini yang di-pamerkan di-dewan ini". Demikian kata Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Brunei.

Tuan White menyatakan demikian kepada PELITA BRUNEI pada masa beliau melawat ka-Pameran Buku2 Minggu Bahasa yang telah di-adakan di-dewan Pusat Kemasyarakatan baharu2 ini.

Dalam pertemuan tersebut Tuan White menegaskan beliau juga telah menarek hati melihat buku2 yang lama serta surat2 perjanjian yang bersejarah yang di-pamerkan di-dewan itu.

Oleh kerana hal yang demik-

ian, beliau berharap supaya Kerajaan Brunei akan dapat menuhkan sa-buah pejabat yang khas bagi menyimpan buku2 dan surat2 perjanjian tersebut untuk menjadi hak pusaka kepada masyarakat negeri ini pada masa hadapan kelak.

Dengan hal itu, kata-nya, dapat-lah mereka memahami tarikh dan lain2-nya yang bersangkutan paut dengan Negeri Brunei dari semenjak zaman purbakala.



Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White (kanan) kelihatan asheh membacha buku Melayu pada masa beliau melawat ka-pameran buku2 di-Bandar Brunei baharu2 ini.

# KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan mengarang yang telah di-adakan di-negeri ini kerana menyambut Minggu Bahasa Kebangsaan ada-lah seperti di-bawah ini:

Orang2 dewasa Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Abdul Karim bin Mohamed Salleh, Pejabat Daerah, Seria. 2. Inche M. Noordin bin Haji Tengah, Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Orang2 dewasa Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Marhani binti Abdul Latif, Pejabat Pilehan Raya, Brunei. 2. Puan Hani binti Abdullah, F-21B Jalan Bendahara, Brunei.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Lim Kah Tiong, Pejabat Kewangan, Brunei. 2. Inche Lee Thian Soon, Pejabat Surat, Seria. 3. Inche Lam Keong Kui, Bukit Sawat, Belait. Kepujian—1. Inche Wong Ah Fatt, Pejabat Kehakiman, Brunei. 2. Inche Chia Tian Ching, CMD/MESC Section Sharikat Minyak Shell Berhad, Seria.

Orang2 dewasa yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Rosalind Chin, Klinik Kesihatan, Daerah Seria. 2. Puan Thelma Teo, Pejabat Perubatan, Belait. 3. Puan Teo Sui Kim, Pejabat Surat, Seria. Kepujian—Puan W. E. Wainwright, Penge-tua, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei.

Murid2 Melayu bahagian lelaki: 1. Inche Muslim bin Burut, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei. 2. Inche Abdullah bin Othman, Maktab Anthony Abell, Seria. 3. Inche Johari bin Abdul Rahman, Maktab Anthony Abell, Seria. Kepujian—1. Inche Ali bin Hassan, Maktab Anthony Abell, Seria dan Inche Jumadin bin Sa'ad, Maktab Anthony Abell, Seria.

Murid2 Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Fatimah binti Ja'afar, Sekolah Tinggi Perem-

puan Raja Isteri, Bandar Brunei. 2. Puan Armah binti Adam, Maktab Anthony Abell, Seria. 3. Puan Mulia binti Abdul Rahman, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait. Kepujian—1. Puan Maimun binti Mohamed Salleh dan 2. Puan Rafiah binti Hussain—kedua2 dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait.

Murid2 yang bukan Melayu, bahagian lelaki: 1. Inche Chen Yu Soo. 2. Inche Ang Kuang Teng dan 3. Inche Lim Tiong Sin — ketiga2-nya dari Sekolah Menengah China, Chung Hwa, Bandar Brunei. Kepujian—1. Inche Yapp Kai San, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan 2. Inche Lim Eng Loke, Sekolah Menengah China, Chung Hwa, Bandar Brunei.

Murid2 yang bukan Melayu bahagian perempuan: 1. Puan Lena Tien, Sekolah Saint Angela Convent, Seria. 2. Puan Liew Mei Yee, Sekolah Menengah Chung Ching, Seria.

# DARI MAHKAMAH

## DIDENDA MEMILIKI 14 KARTON, 6 PAKET ROKOK

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BELAIT**, Selasa, 27 April. - Seorang kerani di syarikat swasta dikenakan denda BND14,600 oleh Mahkamah Majistret Kuala Belait hari ini.

Jika gagal membayar denda, defendan, Noorairlinizam binti Haji Johari akan dijatuhkan hukuman 14 bulan penjara.

Majistret Hajah Ervy Sufitriana binti Haji Abdul Rahman juga telah menetapkan tempoh pembayaran denda tersebut sehingga 27 Disember 2021.

Noorairlinizam, 38 tahun, didakwa kerana memiliki 14 karton rokok dan enam paket rokok pelbagai jenama yang ditemui di dalam keretanya yang berdaftar BAK2074 semasa Pegawai Penguatkuasa Kastam menjalankan pemeriksaan di kawasan letak kereta perindustrian pada 19 April 2021.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Kastam dan Eksais, Haji Mohd Junaidi bin Ahmad di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006. Kesemua barang terlibat dihukum rampas untuk dimusnahkan.

## Didenda BND1,500 akibat dadah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 April. - Seorang wanita warga tempatan dikenakan denda BND1,500, di Mahkamah Majistret hari ini, atas kesalahan memakan dadah terkawal.

Majistret Kanan Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman kemudian menetapkan bayaran denda terhadap Nursyahrah binti Arman (defendan) sehingga 31 Julai 2021 dan jika gagal, akan dijatuhkan hukuman tiga bulan penjara.

Nursyahrah, 19 tahun, didakwa melakukan aktiviti penyalahgunaan dadah dalam serbuan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Biro Kawalan Narkotik, di kediamannya di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Telisai, Tutong, pada 25 Mac 2021.

Pada keesokan harinya, defendan dibawa bagi menjalani ujian air kencing, di mana hasil ujian air kencing tersebut mendapati mengandungi positif Kelas 'A', Methylamphetamine.

Pegawai Pendakwa, Normahirah binti Rosli dalam pendakwaannya turut menyatakan, defendan tidak mempunyai rekod kesalahan lalu, di bawah Seksyen 6(b) Akta Penyalahgunaan, Penggal 27.

## Kes bunuh masih dalam siasatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 April. - Seorang lelaki didakwa kerana telah membunuh seorang anak lelaki berusia 2 tahun. Mahkamah menetapkan pada 11, 12 dan 14 Ogos 2021 depan untuk sebutan semula kes.

Lans Koperat Muhd. Yusrin bin Mohd. Yusof (tertuduh) didakwa melakukan kesalahan itu antara jam 10.00 dan 11.55 malam pada 20 Disember 2018 di Lumut.

Ketua Majistret Pengiran Masni binti Pengiran Haji Bahar menetapkan tarikh sebutan kes bagi tertuduh, 35 tahun, selepas Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hafizah binti Ahmad membuat permohonan untuk tertuduh ditahan reman lagi bagi polis menjalankan siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati jika didapati bersalah.



**gap** bermaksud nampak gagah kerana berpakaian kemas dan bergaya tentang lelaki. Contoh pemakaian kata: sakunjung-kunjungnya badangan ani, makin **gap** usulnya.

**gapa-gapa** bermaksud gopoh-gapah apabila melakukan sesuatu. Contoh pemakaian kata: jangan **gapa-gapa** mambuat karaja ani, karang manyasal kamu maliat asilnya inda bisai.

**gaplah** bermaksud sangat bising dan riuh-rendah. Contoh pemakaian kata: **gaplah** bunginya tempat angus atu.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



## KAMPUNG KERIAM



Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

### KEK PELANGI

**BAHAN-BAHANNYA :**

- 250gm mentega
- 4 biji telur
- 1 cawan gula castor
- 2 cawan tepung
- 1 sudu teh esen vanilla
- 1 cawan susu cair
- 1 sudu teh ovalet

Pewarna ikut kesukaan masing-masing

**CARA MEMBUATNYA :**

Pukul mentega, ovalet dan gula hingga kembang. Kemudian masukkan telur satu persatu, esen vanilla, tepung dan susu cair

dan pukul sehingga sebat. Setelah itu bahagikan adunan tersebut kepada tiga bahagian dan campurkan warna kesukaan. Panaskan loyang kemudian masukkan ke dalam loyang berselang-seli warnanya. Dan akhir sekali bakar selama 30 minit dalam 180 darjah Celsius.

# PEMIMPIN PERLU MILIKI UNSUR KEISLAMAMAN DALAM KEPIMPINAN

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

**RIMBA**, Isnin, 26 April. - Dalam Islam, asas utama dan paling penting dalam kepimpinan adalah tanggungjawab, semua orang yang hidup di muka bumi ini disebut sebagai pemimpin.

Kepimpinan hendaklah mempunyai sifat-sifat dan unsur-unsur keislaman dalam keupayaan memimpin juga cara atau gaya kepimpinan yang berteraskan ajaran Islam yang membezakannya daripada sifat-sifat atau unsur-unsur kepimpinan yang bukan Islamik.

Manakala, Kepemimpinan Islam pula ialah kepimpinan yang bermatlamatkan untuk mendapatkan keredahan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadikan kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh juga ikutan dan untuk mendapatkan kebahagiaan hidup

di dunia dan akhirat.

Perkara tersebut, dijelaskan oleh Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar semasa menyampaikan tazkirahnya, pada Ramadhan Talk Series, bertajuk 'Kepimpinan Diri dalam Pembangunan Sumber Manusia', yang berlangsung di Dewan An-Najah, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam, dalam tazkirahnya, seterusnya menyentuh mengenai kepentingan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri dalam melahirkan warga perkhidmatan awam yang profesional dari perspektif Islam.

Ramadhan Talk Series, yang dianjurkan oleh IPA berkenaan,



**DEKAN** Fakulti Syariah, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar semasa menyampaikan tazkirah bertajuk 'Kepimpinan Diri dalam Pembangunan Sumber Manusia'.

dihadiri oleh lebih daripada 200 peserta, terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian juga jabatan kerajaan.

Antara objektif Talk Series ini adalah untuk menyemarakkan Bulan Ramadan dan meningkatkan kesedaran juga kefahaman akan keutamaan kepimpinan yang dinamik dalam menangani perubahan pengurusan sumber manusia, selain untuk mengukuhkan peranan pengurusan sumber manusia dalam menghadapi normal baharu.



**ANTARA** yang hadir mendengarkan tazkirah berkenaan.

# Bank Baiduri bantu keluarga kurang bernasib baik



**INISIATIF** 'Let's Give Back This Ramadan' ini adalah bagi meringankan beban keluarga yang kurang bernasib baik dengan membeli-belah barangan keperluan rumah dan asasi.

■ Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Isnin, 26 April. - Susulan kejayaan mengadakan acara membeli-belah dan berbuka puasa untuk keluarga yang kurang bernasib baik di negara ini, Bank Baiduri meneruskan lagi inisiatif 'Let's Give Back This Ramadan' ke Daerah Tutong yang diadakan di Hua Ho Petani Mall, di sini.

Sebanyak tujuh buah keluarga yang kurang bernasib baik dikenal pasti melalui Majlis Kesejahteraan Masyarakat dipilih bagi menyertai inisiatif berkenaan.

Inisiatif mengadakan 'Let's Give Back This Ramadan' ini bagi meringankan beban keluarga yang kurang bernasib baik di keempat-empat daerah dengan membawa mereka membeli-belah barangan keperluan rumah dan barangan asasi dalam persediaan persiapan menjelang Hari Raya.

Pada tahun ini, 'Let's Give Back This Ramadan' dikendalikan bersama oleh para sukarelawan dari Bank Baiduri dan anak syarikatnya.

Lebih 130 pekerja bank berkenaan mendaftar sebagai sukarelawan bagi menjayakan inisiatif berkenaan dengan menyediakan sokongan dan bantuan kepada keluarga yang dikenal pasti semasa membeli-belah tersebut.

Menyentuh mengenai budaya kesukarelawan, Ketua Kumpulan Sumber Tenaga Manusia dan Pentadbiran Bank Baiduri, Veronica Chong berkata, "Kami baru-baru ini melancarkan program dalam yang dikenali sebagai 'Baiduri Cares' yang mendorong kakitangan kami untuk memberi kembali kepada masyarakat dengan terlibat secara langsung dalam pelbagai aktiviti sukarelawan. Inisiatif 'Let's Give Back This Ramadan' adalah yang pertama daripada banyak acara sukarelawan yang sedang dijalankan oleh Bank Baiduri".

Sejurus selepas membeli-belah, tujuh buah keluarga tersebut dan para sukarelawan Bank Baiduri dibawa ke Lanes Hotel bagi berbuka puasa yang ditaja sepenuhnya oleh Bank Baiduri.

# Perubahan proses penukaran Lesen Memandu Warga Asing

■ Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 April. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan mengenai perubahan proses permohonan penukaran Lesen Memandu Warga Asing (Foreign Driving License Conversion) kepada Lesen Memandu Negara Brunei Darussalam (NBD) yang akan diperkenalkan bermula 1 Mei 2021.

Mengikut pemerhatian JPD, sedikit sebanyak terdapat perbezaan dari segi tatacara dan budaya pemanduan serta peraturan dan undang-undang memandu luar negara dengan negara ini.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan bagi warga asing yang berada atau menetap di negara ini (melebihi 12 bulan) untuk menjalani ujian memandu dan menukar

Lesen Memandu negeri asal ke Lesen Memandu negara ini.

Proses permohonan penukaran Lesen Memandu Warga Asing (Foreign Driving License Conversion) yang berjalan pada masa ini ialah pemohon akan terlebih dahulu menjalani temu duga bagi mengetahui pemohon dan kelayakan pemohon untuk sama ada boleh dibenarkan (*endorse*) atau pemohon perlu melalui ujian memandu terlebih dahulu.

Tertakluk kepada hasil temu duga, pemohon boleh dibenarkan (*endorse*) Lesen Memandu Warga Asing tanpa perlu melalui ujian memandu terlebih dahulu.

Melalui proses baharu ini, semua warga asing yang berada atau menetap di negara ini melebihi 12 bulan kerana bekerja atau atas apa juga urusan lain adalah dikehendaki untuk menjalani Ujian

Kod Jalan Raya (Highway Code Test) dan Ujian Kelayakan Memandu di Jalan Raya.

Bagi permohonan baharu atau kali pertama memohon dan gagal ujian adalah dimestikan untuk mendaftar dengan mana-mana sekolah memandu yang dilantik oleh JPD serta menjalani belajar Kelas Kod Jalan Raya (Highway Code Class) selama tidak kurang daripada tiga jam dan juga latihan praktikal memandu selama tidak kurang daripada lima jam (tertakluk penilaian sekolah memandu).

Bagi urusan penukaran Lesen Memandu Warga Asing (Foreign Driving License Conversion) kepada Lesen Memandu NBD di Daerah Brunei dan Muara adalah melalui kaunter-kaunter yang disediakan di Kompleks Latihan dan Ujian Memandu JPD di Kampung Sungai Akar.

Manakala urusan ini juga disediakan di Cawangan-cawangan JPD di daerah-daerah lain dengan menyertakan dokumen-dokumen

yang lengkap dan teratur.

Kerjasama orang ramai, khususnya pemilik syarikat atau majikan dan warga asing untuk mematuhi proses baharu ini.

Sebarang pertanyaan boleh

disalurkan dengan menghubungi Talian Darussalam (TD) 123 atau melalui aplikasi WhatsApp TD +673 8333123 atau melayari laman sesawang TD [www.123.gov.bn](http://www.123.gov.bn) dengan menyertakan maklumat berkenaan.

■ **PERUBAHAN** proses permohonan penukaran Lesen Memandu Warga Asing (Foreign Driving License Conversion) kepada Lesen Memandu Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 1 Mei 2021.

■ **WARGA** asing yang berada atau menetap di negara ini (melebihi 12 bulan) diminta untuk menjalani ujian memandu dan menukar Lesen Memandu negeri asal ke Lesen Memandu negara ini.

■ **TERTAKLUK** kepada hasil temu duga, pemohon boleh dibenarkan (*endorse*) Lesen Memandu Warga Asing tanpa perlu melalui ujian memandu terlebih dahulu.

■ **MELALUI** proses baharu ini, semua warga asing yang berada atau menetap di negara ini melebihi 12 bulan kerana bekerja atau atas apa juga urusan lain adalah dikehendaki untuk menjalani Ujian Kod Jalan Raya (Highway Code Test) dan Ujian Kelayakan Memandu di Jalan Raya.

# KETAHUI KADAR KIRAAN BAYARAN FIDYAH PUASA

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 April. - Puasa bulan Ramadan merupakan Rukun Islam yang ketiga yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam.

Meninggalkan puasa pada bulan Ramadan tanpa sebab keuzuran adalah berdosa besar, walau bagaimanapun, jika seseorang itu tidak dapat menunaikan ibadah puasa atas sebab-sebab yang dibenarkan syarak, maka tertanggunglah ke atasnya beberapa perkara iaitu qada, fidyah dan kafarah.

Qada dan fidyah puasa adalah suatu tuntutan yang dikenakan ke atas orang yang meninggalkan puasa sebagai tebusan atau bayaran balik puasa yang telah ditinggalkan. Ia juga merujuk kepada menebus ibadah dengan memberi sedekah kepada fakir miskin berupa makanan yang mengenyangkan.

Fidyah puasa ialah memberi makan fakir miskin sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa jua bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri itu. Bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), makanan asasi majoriti penduduknya adalah Beras Wangi, Beras Siam dan terdapat juga penduduk yang memakan Beras Kabun (beras tempatan) sebagai makanan asasi.

Hal ini disebutkan dalam Al-Quran, firman Allah Subhanahu Wata'ala, yang tafsirnya : "Dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin". (Surah Al-Baqarah : 184)

Fidyah dalam ibadah puasa diwajibkan kepada golongan tertentu iaitu orang yang tidak berdaya mengerjakan puasa

kerana sangat tua atau orang sakit yang tidak ada harapan sembuh; perempuan hamil atau perempuan yang menyusukan anak yang berbuka kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya jika dia berpuasa dan orang yang melengah-lengahkan qada puasa sehingga datang bulan Ramadan yang baharu.

Namun daripada golongan tersebut, ada yang hanya perlu qada sahaja dan ada yang perlu membayar fidyah sahaja serta ada juga perlu kedua-duanya iaitu membayar qada dan fidyah.

Perempuan hamil atau yang menyusukan anak jika dia berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat kepada dirinya, maka wajib baginya mengqada puasa yang ditinggalkannya tanpa perlu membayar fidyah.

Namun jika dia berbuka puasa kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya, maka wajib mengqada puasa yang ditinggalkannya dan diwajibkan juga membayar fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkan kerana dia berbuka untuk mengelakkan mudarat ke atas nyawa anak yang dalam kandungannya atau mudarat ke atas nyawa anak susuannya akibat kekurangan air susu jika dia berpuasa.

Bagi orang yang terlalu tua dan pesakit yang tiada harapan untuk sembuh, mereka tidak diwajibkan untuk berpuasa, akan tetapi diwajibkan ke atas mereka fidyah.

Sementara itu, bagi orang yang meninggalkan puasa kemudian dia melambatkan qada puasa sehingga datang bulan Ramadan yang baharu, sedangkan dia

berdaya untuk mengqadanya adalah wajib baginya mengqada puasa serta membayar fidyah bagi setiap hari yang ditinggalkannya itu.

Fidyah puasa bagi orang yang belum mengqada puasanya akan berganda setiap tahun apabila datang puasa Ramadan pada tahun-tahun berikutnya selagi puasa yang ditinggalkannya itu belum diqada.

Jika seseorang itu meninggalkan puasa sebanyak satu hari pada bulan Ramadan tahun 1439H dan dia masih tidak mengqada puasa yang ditinggalkannya itu sehingga datang bulan Ramadan tahun 1441H sedangkan dia berdaya mengqadanya, maka dia wajib membayar fidyah puasa tersebut sebanyak dua kali ganda kerana puasa tersebut tidak diqada selama dua tahun.

Bagi orang yang meninggalkan puasa sebanyak satu hari pada bulan Ramadan tahun 1439H dan masih belum mengqada puasa yang ditinggalkannya itu sehingga datang bulan Ramadan tahun 1441H, jika dia telah membayar fidyah puasa bagi gandaan tahun 1440H sedangkan dia masih belum mengqada puasa yang ditinggalkannya pada tahun 1439H, maka dia hanya wajib membayar fidyah puasa bagi tahun 1441H sahaja.

Oleh itu, kadar fidyah puasa bagi satu hari puasa yang ditinggalkan ialah sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa jua bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri. Kadar satu *mudd* itu adalah bersamaan dengan 15 tahlil atau kira-kira 567 gram.

Menurut Mazhab Asy-Syafi'e, fidyah tidak sah dikeluarkan dengan nilai harga atau wang. Namun demikian, sebagai lrsyad adalah dibolehkan bertaqid

dengan Mazhab Hanafi bagi sesiapa yang hendak membayar fidyahnya dengan nilai harga atau wang.

Harga atau wang untuk gantian satu *mudd* bersamaan dengan 567 gram bagi satu hari puasa Ramadan yang ditinggalkan ialah BND0.71 sen bagi Beras Wangi dan BND0.48 sen bagi Beras Siam.

Sebagai contoh, kadar fidyah puasa bagi tiga hari puasa yang ditinggalkan ialah sebanyak 1,701 gram iaitu dengan mendarab bilangan hari puasa yang ditinggalkan dengan kadar satu *mudd* bersamaan 567 gram. Oleh itu, jumlah bayaran fidyah tiga hari puasa iaitu tiga *mudd* (1,701

gram) ialah BND2.13 sen bagi beras wangi dan BND1.44 sen bagi beras siam.

Berdasarkan keterangan mengenai kewajipan fidyah terhadap beberapa golongan tertentu itu, jelas bahawa ibadah puasa merupakan kewajipan yang wajib dilaksanakan sehinggalah apabila ditinggalkan satu hari saja, wajib diqada atau dibayar fidyah atau kedua-duanya.

Perlu juga diingat bahawa apabila seseorang itu dikenakan fidyah kerana sebab-sebab tertentu, maka kewajipan ini akan ditinggalkannya selama mana dia belum melunaskan bayaran fidyahnya.



KADAR fidyah puasa bagi satu hari puasa yang ditinggalkan ialah sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri dan kadar satu *mudd* itu adalah bersamaan dengan 15 tahlil atau kira-kira 567 gram.

## Bersama mengimarahkan Ramadan



PERSATUAN Kebajikan Melayu Se-Malaysia di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Restoran Amanah Harith, Jerudong serta Helobn mengagihkan sebanyak 2,000 kontena bubur lambuk kepada orang ramai.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**JERUDONG,** Isnin, 26 April. - Pelbagai pihak berlumba-lumba untuk mengharapakan ganjaran pahala berlipat pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini melalui amal ibadah termasuk amalan bersedekah.

Justeru, Persatuan Kebajikan Melayu Se-Malaysia di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Restoran Amanah Harith, Jerudong serta Helobn

mengagihkan sebanyak 2,000 kontena bubur lambuk kepada orang ramai, baru-baru ini.

Kolaborasi tersebut buat julung kalinya dalam sama-sama mengimarahkan Ramadan untuk membentuk ukhuwah dan perpaduan sesama ahli dan orang ramai.

Aktiviti amal tersebut diharap akan menjadi program tahunan untuk berbagi rezeki yang

melibatkan semua ahli yang terlibat dari awal pembikinan sehingga majlis selesai sempurna.

Jalinan bersama Helobn itu juga sekali gus memberi pendekatan kepada orang ramai untuk memperkenalkan aplikasi berkenaan yang banyak manfaatnya.

Adapun aplikasi Helobn memberi kemudahan kepada para pengguna dengan perkhidmatan yang disediakan antaranya boleh mendengarkan stesen-stesen

KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

### KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

**GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM**

TIPS

- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambal dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg	1000 mg	880 mg
3 bungkus Mee Segera	3 biji Telur Masin	2 sudu makan Kicap
3 sudu makan Corned Beef	1 bungkus kecil Keropak Ubi Kentang	1 bungkus kecil Keropak Udang Tempatan
1 cawan Kentang Goreng	1/2 cawan Kacang Tanah (Salted)	3 keping Kreker Beras
1/2 cawan Amping	1/2 cawan Kacang Tanah (Unsalted)	1 biji Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok

radio tempatan; mengetahui jam waktu sembahyang dan menerima notifikasi azan sembahyang fardu serta mengakses berita-berita dalam negara serta kategori membeli-belah.



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Jabatan Penerangan

# Al-Quran sumber keberkatan, kerahmatan bagi kehidupan

**A**L-QURAN ialah mukjizat yang bukan hanya untuk dibaca tetapi hendaklah dihayati dan difahami sebagai panduan dan pegangan yang berkekalan hingga hari kiamat.

## Kelebihan Membaca Al-Quran

Banyak kelebihan yang dapat diperoleh bagi mereka yang selalu mengamalkan membaca Al-Quran serta berdamping dengannya. Kita selaku umat Islam dituntut mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain khususnya mereka yang berada di bawah tanggungan kita kerana membaca Al-Quran adalah semulia-mulia ibadah. Ini dapat diperhatikan dalam hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Sebaik-baik manusia di antara kamu ialah yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya". (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari)

"Semulia-mulia ibadah umatku (ibadah yang bukan wajib) ialah membaca Al-Quran". (Hadis riwayat Imam Al-Baihaqi)

"Orang yang paling layak mengimami suatu kaum di dalam sembahyang adalah mereka yang paling fasih dan lancar membaca Al-Quran". (Hadis riwayat Imam Muslim)

"Barang siapa yang membaca satu huruf daripada Al-Quran maka baginya satu kebaikan, satu kebaikan menyamai dengan 10 pahala, aku (Rasulullah) tidak

bermaksud : Alif lam miim ialah satu huruf, tapi alif satu huruf, lam satu huruf dan miim satu huruf." (Hadis riwayat Imam At-Tarmizi)

"Sesungguhnya orang yang tiada apa-apa di dalam dadanya sedikit pun daripada Al-Quran itu adalah umpama rumah buruk yang binasa." (Hadis riwayat Imam At-Tarmizi)

## Nuzul Al-Quran

Peristiwa Nuzul Al-Quran dicatatkan berlaku pada malam Jumaat, 17 Ramadan, tahun ke-41 Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ayat-ayat Al-Quran memberi makna yang begitu besar kepada umat Islam dan kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam khususnya. Ayat-ayat Al-Quran diturunkan Allah kepada Baginda melalui perantaraan Malaikat Jibril secara berperingkat-peringkat hingga menjadi lengkap sebagaimana kitab Al-Quran yang ada pada kita hari ini dengan ayat yang mula-mula diturunkan ialah limat ayat pertama dari Surah Al-Alaq.

## Perisian Sambutan

Negara Brunei Darussalam amat menitikberatkan sambutan Nurul Al-Quran sebagai salah satu di antara Majlis Hari-hari Kebesaran Islam yang setiap tahun disambut dengan tawaduk dan meriah. Uniknyanya lagi di negara kita, ia disambut saban tahun sehingga hari itu dijadikan sebagai cuti awam bagi kementerian-

kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta.

Ini bertujuan untuk sama-sama meraih keberkatan dan rahmat daripada-Nya dalam menjalani kehidupan kita seharian. Sebagaimana dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi yang mana baginda bertitah, negara insyaaAllah, tidak akan mengabaikan Al-Quran sebagai sumber berkat dan rahmat bagi kehidupan.

Baginda telah menegaskan bahawa negara tidak mahu ada generasi yang tercicir Al-Quran yang tidak pandai membaca Al-Quran. Pada hemat baginda, apa-apa yang mewarnai Brunei selama ini adalah turut ditentukan oleh keberkatan Al-Quran kerana kita tidak pernah berenggang darinya malah terus memelihara dan membacanya.

Dalam pada itu, menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang dikeluarkan pada 21 April 2021 menyatakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah akan diadakan pada 29 April ini di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, mulai pukul 9.00 malam. Antara pengisian acara ialah pengumuman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir

Kebangsaan Tahun 1442H dan persembahan peserta terbaik setiap kategori.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran tahun ini ialah 'Al-Quran Asas dan Pemangkin Pembangunan Negara'. Dalam sama-sama mengawal dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini, KHEU menasihatkan para jemputan untuk mematuhi garis panduan menghadiri majlis iaitu mendaftar masuk menggunakan aplikasi BruHealth untuk mendapat kelulusan kod hijau dan kuning serta mengimbas Kod QR. Di samping itu, jemputan digalakkan berwuduk sebelum ke majlis, digalakkan memakai sungkup muka, dimestikan membawa tika sembahyang bersaiz besar (bagi yang ingin menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih), membuat pemeriksaan suhu badan, digalakkan mensanitasi tangan dengan menggunakan gel pensantasi, tidak digalakkan untuk bersalam-salaman dan segera bersurai setelah acara selesai. Hanya individu yang mempunyai kod berwarna hijau dan kuning sahaja yang dibenarkan menghadiri majlis. Manakala individu yang mempunyai simptom-simptom seperti demam panas, batuk, selesema, masalah pernafasan dan sebagainya adalah tidak dibenarkan menghadiri majlis tersebut. Menurut kenyataan, tempat Sembahyang Sunat Tarawih disediakan di Press Conference Hall ICC (bagi jemputan lelaki) dan Surau ICC (bagi jemputan perempuan).





# China bakal lancar bulan promosi perbelanjaan

BEIJING, 27 April. - Ekspo Barang Pengguna Antarabangsa China pertama yang dijadualkan berlangsung pada 7 hingga 10 Mei di Haikou, wilayah Hainan kini dalam fasa persiapan terakhir, menurut Kementerian

Perdagangan China (MOC). Pengarah Jabatan Promosi Penggunaan MOC, Zhu Xiaoliang pada Ahad berkata, dengan kehadiran pempamer dari 69 negara dan wilayah, ia dijangka

melengkapi ruang pameran global seluas 60,000 meter persegi.

Menurut beliau, terdapat 1,300 jenama global akan dipamerkan, membabitkan lima segmen utama antaranya fesyen, batu permata dan produk kesihatan.

Difahamkan, Switzerland bakal menjadi negara tamu ekspo berkenaan.

Ekspo itu merupakan antara acara penting daripada kempen Bulan Promosi Perbelanjaan yang dijadualkan bermula pada 1 Mei di seluruh

negara.

Selain ekspo itu, pesta beli-belah dalam talian sepanjang Bulan Promosi Perbelanjaan juga turut mencuri perhatian ramai.

Pengarah Jabatan Dagang Elektronik MOC, Qian Fangli memaklumkan, acara itu menerima banyak penyertaan syarikat yang menyaksikan jumlahnya meningkat dua kali ganda berbanding tahun lepas.

"Pengendali platform e-dagang dari 20 negara rakan sepanjang Jalan Sutera dijemput menyertai acara kali ini.

"Diplomat asing yang bertugas di China juga akan tampil memperkenalkan barang-barang negara sendiri dan produk pelancongan kepada pengguna China secara maya menerusi rakaman video," kata beliau.

Statistik rasmi menunjukkan, prestasi pasaran perbelanjaan China kekal kukuh, dengan keseluruhan jualan runcit barang pengguna melonjak 33.9 peratus kepada 10.5 trilion yuan (RM6.64 trilion) pada suku pertama tahun ini. - ©BERNAMA

## DUTA BESAR AS KE PBB SERU MASYARAKAT DUNIA BERSEDIA PANDEMIK SETERUSNYA

NEW YORK, 27 April. - Duta Besar Amerika Syarikat (AS) ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Linda Thomas-Greenfield pada Isnin menggesa masyarakat antarabangsa untuk bersiap sedia menghadapi pandemik berikutnya.

Thomas-Greenfield bercakap pada pertemuan maya tertutup PBB, yang dihoskan bersama oleh AS, Jepun, Norway dan Afrika Selatan, mengenai kesediaan dan tindak balas pandemik, menurut Sputnik.

"Sangat jelas pada tahun lalu: seluruh dunia tidak bersedia menghadapi pandemik ini. Kita mesti bersedia untuk yang seterusnya," kata Thomas-Greenfield.

Duta besar itu mengatakan para pemimpin dunia perlu menangani isu-isu, termasuk mewujudkan pembiayaan keselamatan kesihatan yang berkesinambungan, melaksanakan mekanisme pertanggungjawaban untuk pengawasan dan mengenal pasti pencetus peningkatan kes yang mungkin menyebabkan penularan yang pantas ketika pandemik berikutnya melanda.

Thomas-Greenfield juga mengatakan AS akan turut serta dalam pertemuan peringkat tinggi pada hujung minggu ini untuk membincangkan mengenai rintangan antimikrob itu, untuk menerima pakai tindakan terbaharu. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Kompaun mesti ikut garis panduan

KUALA LUMPUR, 27 April. - Langkah mengenakan kompaun di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) mestilah dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Beliau berkata kerajaan telah menggubal Garis Panduan Penetapan Nilai Tawaran Kompaun dan Kadar Pengurangan Kompaun di bawah akta tersebut untuk dijadikan panduan kepada pihak penguat kuasa yang menjalankan penguatkuasaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Mengikuti garis panduan tersebut, perbuatan seseorang pemegang lesen dan pemilik premis yang gagal mematuhi waktu operasi premis merupakan kesalahan kategori tiga yang boleh dikenakan kompaun maksimum RM10,000.

"Pesalah-pesalah pula diberikan kadar pengurangan sebanyak 50 peratus sekiranya membayar kompaun tersebut dalam tempoh tujuh hari dan 25 peratus sekiranya dalam tempoh 14 hari," katanya menerusi kenyataan media hari ini.

Takiyuddin menjelaskan pindaan yang dibuat terhadap Akta 342 itu adalah untuk menaikkan kadar kompaun yang boleh dikenakan bagi sesuatu tindakan atau perbuatan yang menjadi kesalahan kerana menyebabkan penularan wabak COVID-19 dalam negara ini.

Katanya, segala tindakan mengenai kompaun bagi kesalahan di bawah undang-undang adalah bagi mencegah dan memberi pengajaran kepada pelaku agar sama-sama bertanggungjawab dalam usaha memerangi pandemik itu. - ©BERNAMA

SINGAPURA, 27 April. - "Orang berbudi kita berbahasa," itu adalah peribahasa Melayu yang memberi inspirasi kepada kira-kira 10 rakyat Malaysia yang kini menyertai program amal untuk menyampaikan makanan kepada 4,000 orang untuk berbuka puasa sepanjang bulan Ramadan di sini. Acara mingguan berbuka puasa besar-besaran ini dianjurkan oleh Muslim Converts 'Association of Singapore (MCAS)' untuk anggotanya, sukarelawan, mualaf, orang Islam, dan orang ramai, diadakan setiap Sabtu di sini. Program ini bertujuan untuk menyampaikan 1,000 bungkusan

makanan kepada 1,000 penerima setiap Sabtu, oleh 200 sukarelawan termasuklah warga Malaysia dengan menggunakan motosikal, tanpa bayaran.

"Saya dan rakan-rakan sering terlibat dengan pelbagai program amal termasuk agihan bantuan makanan sejak dari bulan Ramadan tahun lepas," kata seorang daripada penunggang Shahrudin Haeal Helmy Mohd Noh kepada Bernama.

"Saya dapati ramai rakyat Singapura berbilang bangsa mengagihkan makanan secara percuma selain bantuan yang bersesuaian dihulurkan kepada

## Perancis tawar bantuan peralatan oksigen kepada India

PARIS, 27 April. - Perancis akan menghantar beberapa unit penjana oksigen sebagai bantuan perubatan untuk membantu India dalam memerangi lonjakan gelombang kedua COVID-19, umum Kementerian Luar pada Isnin.

"Operasi solidariti khas" dilakukan sebagai tindak balas terhadap keperluan yang dinyatakan oleh pihak berkuasa India dan atas permintaan Presiden Emmanuel Macron, lapor Agensi Anadolu memetik kenyataan Kementerian itu.

Bantuan itu juga merupakan sebahagian daripada Mekanisme Perlindungan Awam Kesatuan Eropah (UCPM) yang diaktifkan oleh Suruhanjaya Eropah untuk Pengurusan Krisis pada 25 April lepas dan diberi semasa India dilaporkan menghadapi krisis

oksigen yang mendesak di kemudahan kesihatan.

Beberapa hospital di seluruh India melaporkan kekurangan oksigen dan meminta bantuan kecemasan kerana varian virus baharu telah melanda negara itu dengan mencatatkan rekod dalam peningkatan kes harian COVID-19.

Lapan unit penjana oksigen perubatan, masing-masing dengan kapasiti untuk membekalkan oksigen secara berterusan ke 250 katil, akan diangkut pada hujung minggu ini. Ia akan dipasang secara kekal dan mampu menghasilkan oksigen perubatan menggunakan udara biasa dan boleh digunakan selama 10 tahun. Penyediaan peralatan untuk mengisi silinder oksigen juga akan disertakan.

Selain itu, sekurang-kurangnya lima bekas oksigen cair, masing-masing dapat menampung sehingga 10,000 pesakit dalam sehari, serta peralatan khusus 28 alat bantuan pernafasan dan 200 pam picagari elektrik turut disumbangkan.

Bahan itu bertujuan untuk bertindak balas terhadap keadaan kecemasan dan juga untuk memperkuat kemampuan hospital-hospital India dalam merawat pesakit dan melawan pandemik secara berterusan, kata kenyataan itu.

"Perancis dan India sering bersolidariti dalam masa-masa sukar. Perpaduan ini adalah asas dalam kerjasama strategik kami dan persahabatan antara rakyat Perancis dan India," tambahnya. - ©BERNAMA

## Warga Malaysia balas budi, edar makanan untuk Iftar di Singapura

rakyat Malaysia yang terkandas di sini lebih setahun yang lalu," katanya.

Sehubungan itu, beliau dan rakan senegara terpanggil untuk membalas budi dengan terlibat menjayakan program ini bagi membantu mengagihkan makanan buat rakyat Singapura yang kurang berkemampuan pula.

Ketika ditemui pada hari pelepasan konvoi agihan pada Sabtu lepas, Shahrudin dan rakan-rakan dilihat tidak ragu-ragu untuk menempuh cuaca yang tidak menentu bagi turut mengedar makanan setiap minggu ke seluruh pulau Singapura ini.

Mereka akan mengambil bungkusan makanan dari lima pusat pengedaran di seluruh Singapura - Darul Arqam; Masjid Assyafaah; Hezom International; Leng Kee IAEC; dan Masjid Omar Kg Melaka - sebelum mengedarkannya.

Atas kesedaran yang rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah yang terkandas di sini tidak pernah dipandang sepi, bank terbesar di Malaysia juga berperanan membantu mereka sejak penutupan sempadan untuk mengekang penyebaran COVID-19.

Untuk program MCAS sahaja, unitnya di Singapura, Maybank Singapore menjadi penaja Emas di mana S\$15,000 disumbangkan dari dana Zakat Maybank Islamic.

"Dengan inisiatif ini, kami berharap dana Zakat yang disalurkan dalam bentuk bantuan makanan dapat meringankan beban masyarakat yang memerlukan.

"Khususnya, pekerja Malaysia yang kurang bernasib baik dan juga yang bekerja dan tinggal di Singapura," kata Ketua Perbankan Islam di Maybank Singapura Norzulkarnien Nor Mohamad.

Awal bulan April, Maybank Islamic juga bekerjasama dengan Makanan Percuma untuk Semua (FFFA) untuk menyumbang paket makanan Ramadhan yang terdiri daripada barang makanan dan baucar kepada 150 pekerja Malaysia yang layak.

Sementara itu, presiden MCAS Muhammad Imran Kuna berkata, persatuan itu juga bekerjasama dengan gerakan #KitaBersaudara dan 1THIRDMEDIA dalam mengatur bantuan bagi 60 pekerja Malaysia berpendapatan rendah yang terkandas di Singapura.

"Saya tidak suka memanggil

mereka sebagai "needy". Saya tidak suka nama itu kerana ia hanya berikutan situasi yang malang. Kami memanggil mereka ke persatuan.. kami memesan secara khusus untuk mereka Nasi Briyani setiap minggu dan kami memberikannya secara peribadi.

"Kita tidak mahu mereka berbaris seperti orang susah. Situasi malang akibat "lockdown". Oleh itu, kami sediakan tempat khas yang tersorok untuk mereka datang dan ambil makanan tersebut. Kami merasakan bahawa ini adalah perkara yang sangat kecil yang kami dapat lakukan," katanya.

Selain bantuan makanan, Muhammad Imran menyatakan bahawa mungkin banyak yang dapat dilakukan untuk rakyat Malaysia yang terkandas di sini di masa akan datang.

"Kami sedang mencari cara untuk memastikan kumpulan ini kembali. Kami mempunyai beberapa kumpulan di kawasan lain. Selepas 'puasa' ini, kami akan terus menghubungi kumpulan-kumpulan ini dan melihat bagaimana kami dapat menjalin hubungan lebih baik dengan mereka," katanya. - ©BERNAMA

# SINGAPURA HANTAR 4 TANGKI OKSIGEN KRIOGENIK UNTUK BANTU INDIA



SINGAPURA, 26 April. - Syarikat pelaburan Singapura Temasek Holdings pada Sabtu menghantar empat tangki silinder oksigen kriogenik ke India berikutan masalah kekurangan oksigen yang serius dihadapi negara itu.

Temasek berkata pihaknya telah bekerjasama dengan syarikat portfolio SATS dan Suruhanjaya Tinggi India di Singapura untuk membantu mengangkut silinder oksigen kriogenik tersebut.

"Tangki oksigen, yang

disumbangkan oleh Tata Group, diangkut oleh Tentera Udara India dari Lapangan Terbang Changi, dan mendarat di Benggala Barat pada Sabtu malam," katanya di Facebooknya.

Temasek juga bekerjasama dengan Air India dan Amazon India News untuk mengangkut mesin oksigen, mesin ventilator BiPAP tidak invasif dan bekalan perubatan penting lain kepada masyarakat setempat yang memerlukan.

Kumpulan pertama bekalan perubatan tiba di Mumbai pada

petang Ahad dan akan dibekalkan ke pelbagai hospital dan pusat rawatan COVID-19 di seluruh negara, katanya.

"Kami berbesar hati dapat menyumbang untuk membantu penduduk di India ketika mereka berperang dengan gelombang COVID-19 ini. Tidak ada yang selamat sehingga semua orang selamat," kata Temasek.

Temasek mengucapkan terima kasih kepada rakan kongsinya termasuk Temasek Foundation, ACT Grants, The Bajaj Group,

Abhay Firodia Group, Star Agri, Thermax Limited dan Pune Platform for Covid-19 Response, berpusat di Dewan Perniagaan, Industri dan Pertanian Mahratta, Pune.

Pada Sabtu, India menyaksikan peningkatan dalam kes harian

COVID-19 dan kematian, dengan 346,786 jangkitan dan 2,624 lagi korban dilaporkan, rekod global untuk hari keempat berturut-turut. - ©BERNAMA

## Gelombang kedua COVID-19 di India dijangka memuncak pada pertengahan Mei

NEW DELHI, 26 April. - Gelombang kedua pandemik COVID-19 di India diramal mencapai tahap puncak pada pertengahan Mei, lapor Agensi Berita Xinhua memetik media tempatan, Ahad.

Unjuran yang dibentangkan dalam mesyuarat antara Perdana Menteri Narendra Modi dan ketua menteri dari negeri paling teruk terjejas menunjukkan selepas Maharashtra, Gujarat dan New Delhi, Uttar Pradesh bakal menjadi satu lagi titik panas dengan lebih 190,000 kes baharu dilaporkan setiap hari.

Kes COVID-19 harian di negara

Asia itu dijangka meningkat menjadi 500,000 dan beransur reda antara Jun dan Julai.

Ramalan itu disampaikan seorang pegawai kanan kerajaan persekutuan pada mesyuarat berkenaan, dengan pegawai bersetuju "negeri-negeri yang berpenduduk padat terdedah kepada risiko; dan, infrastruktur kesihatan di negeri-negeri tidak cukup untuk menangani senario serius ketika ini."

Uttar Pradesh dianggarkan mengalami kekurangan sekitar 16,752 katil hospital dengan bekalan oksigen, 3,061 katil

unit rawatan rapi, dan sekurang-kurangnya 1,538 ventilator.

Jumlah jangkitan terus meningkat di India setiap hari, kerajaan persekutuan telah memutuskan melaksanakan sekatan pergerakan sepenuhnya untuk membendung keadaan yang semakin buruk.

Pada Ahad kes COVID-19 mencecah 16,960,172 dengan 349,691 kes baharu direkodkan dalam 24 jam, hari keempat berturut-turut lebih 300,000 kes didaftarkan dalam sehari. - ©BERNAMA

## Pengunjung ke bazar Ramadan disaran bawa bekas makanan sendiri - SWM Environment

SEREMBAN, 26 April. - Orang ramai digalag agar membudayakan amalan membawa bekas makanan dan minuman sendiri serta beg yang boleh digunakan semula setiap kali mengunjungi bazar Ramadan untuk membeli makanan dan juadah berbuka puasa.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata budaya membawa bekas sendiri dan beg kitar semula ke bazar Ramadan

adalah antara elemen dalam kempen kesedaran 3R (Reduce, Reuse, Recycle) dengan matlamat pengurangan sisa yang dijana termasuklah sisa plastik.

"Peningkatan sisa plastik digunakan makanan pada bulan Ramadan dikhuatiri membawa kepada pencemaran alam sekitar secara berterusan.

"Sudah tiba masanya, kita mewujudkan budaya baharu iaitu 'tapau' juadah berbuka puasa dengan menggunakan bekas yang dibawa sendiri seperti mangkuk

tingkat, 'Tupperware' serta beg kitar semula," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, Mohd Norlisam berkata SWM Environment menyeru masyarakat agar lebih menghargai makanan dengan hanya membeli juadah berbuka mengikut keperluan.

Selain itu, masyarakat dinasihatkan tidak terus membuang makanan lebihan sebaliknya diberikan kepada pihak yang memerlukan. - ©BERNAMA

## Orang ramai rancang sambut Aidilfitri secara sederhana

KANGAR, 26 April. - Keadaan ekonomi tidak menentu akibat penularan wabak COVID-19 mendorong orang ramai memilih berbelanja secara ala kadar untuk menyambut kedatangan 1 Syawal, tidak lama lagi.

Rata-rata mereka yang ditemui Bernama berpendapat sekarang adalah masa untuk berjimat cermat dan membuat simpanan bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku apabila tiada tanda-tanda pandemik ini akan berakhir dalam masa terdekat.

Seorang penjawat awam Nuraini Ahmad, 36, berkata beliau berbelanja secara ala kadar pada tahun ini sepertimana tahun lepas dan memberi keutamaan kepada persiapan keperluan anak-anak sahaja.

"Perasaan menyambut raya 'okay' sahaja, gembira kerana mak

memang berada di sini, jadi dapat beraya dengan maklah," katanya kepada Bernama di sini baru-baru ini.

Ibu kepada dua orang anak itu berkata beliau hanya membeli barang yang perlu sahaja dan menggunakan apa yang telah dibeli tahun lepas.

"Untuk diri sendiri saya, mungkin akan guna pakaian tahun lepas, yang dibeli pada tahun ini hanya persiapan untuk anak-anak," katanya.

Turut senada ialah penjawat awam Nur Amanina Mawaddah Abdul Ghani, 29, yang mengakui bahawa beliau juga berbelanja secara sederhana dan membeli apa yang patut sahaja serta telah membuat persiapan sejak awal tahun.

"Saya rasa agak sedih apabila mendapat tahu kemungkinan besar tidak dapat beraya di kampung

halaman (Kedah) seperti tahun lepas, namun demikian saya sudah biasa dengan norma baharu menyambut raya di sini," katanya.

Katanya, perbelanjaannya untuk menyambut Aidilfitri pada tahun ini juga agak kurang memandangkan rentas negeri masih tidak dibenarkan dan raya di kampung agak mustahil.

Sementara itu, pekerja swasta Aiman Akmal Maliki, 20, berkata beliau telah membuat persediaan termasuk menempah baju raya sejak awal lagi.

"Kami takkan buat majlis rumah terbuka disebabkan pandemik dan ziarah terhad kepada jumlah tertentu. Tetamu akan hadir mengikut kuantiti yang dibenarkan," katanya yang bekerja di sebuah pasar raya di Kangar. - ©BERNAMA

## PGA7 rampas mercun, bunga api bernilai lebih RM23,000

KOTA BHARU, 26 April. - Batalion Ke-7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) merampas pelbagai mercun dan bunga api bernilai RM23,595 dekat Jeram Perdah, Pasir Mas pada kira-kira 5.30 petang semalam.

Pegawai Pemerintah Medan Batalion Ke-7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) Supt Azhari Nusi berkata antara mercun yang dirampas adalah jenis mercun 'bateri', mercun das dan mercun bola yang menjadi kegemaran orang ramai ketika Ramadan dan musim perayaan serta dijual dengan harga tinggi.

"Antara jenama mercun yang dirampas termasuklah mercun Trilogy, B Gonic Fountain, Whistlemoon Tomahawk, Happy Boom Silver Spark Crackling, Happy Boom Spining Fower, Missiles Battery dan Golden Deer.

"Kesemua mercun ini diserahkan kepada Balai Polis Jeram Perdah pada pukul 10 malam tadi untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957i," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Memperincikan kes rampasan, Azhari berkata kegiatan itu dikesan ketika sepasukan empat anggota Strike Force Kompeni A PGA7 membuat rondaan Op Benteng secara bermotosikal di lokasi kejadian.

"Ketika rondaan anggota PGA ternampak dua lelaki sedang memunggah guni-guni putih dan kotak-kotak ke dalam sebuah kereta Honda Accord model terbaharu yang tidak pasti nombor pendaftarannya, di kebun getah berhampiran pangkalan haram Salleh Berek.

"Namun, kedua-dua lelaki itu sempat lolos dengan seorang suspek menaiki perahu ke Thailand manakala seorang lagi memecut kereta dan melarikan diri," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata dalam kejadian ini, pihak berkuasa percaya modus operandi penyeludup adalah menggunakan kereta mewah bagi mengaburi mata pihak berkuasa untuk menyeludup mercun.

Beliau bagaimanapun berkata, anggota PGA akan sentiasa menjalankan pemeriksaan terutamanya di setiap sekatan jalan raya (SJR). - ©BERNAMA

## APMM tahan dua bot, 19 nelayan Vietnam ceroboh perairan negara

MERSING, 26 April. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan Vietnam bersama 19 kru termasuk tekong, kerana disyaki menceroboh perairan negara untuk menangkap ikan di kedudukan 10 batu nautika timur laut dari Pulau Pemanggil, awal pagi Ahad.

Pengarah Zon Maritim Mersing Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata kedua-dua bot berkenaan ditahan pada kira-kira 2 pagi dalam satu operasi bersepadu bersama Pasukan Polis Marin dan Jabatan Perikanan Malaysia.

"Hasil pemeriksaan mendapati kesemua mereka yang berumur antara 18 dan 52 tahun itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Justeru, bot dan tahanan terbabit akan dibawa ke jeti APMM Pos Teluk Gading bagi siasatan lanjut selain menjalani ujian saringan COVID-19 sebagai langkah berwaspada dalam membendung penularan wabak itu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Khairul Nizam berkata kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah. - ©BERNAMA

## Hospital di Baghdad terbakar angka korban meningkat kepada 90 orang

KAHERAH, 26 April. - Angka korban akibat kebakaran hospital di Baghdad, Iraq meningkat kepada 90 orang, lapor Sputnik.

Sebelum ini kemas kini dari Kementerian Dalam Negeri Iraq menyatakan 82 orang maut dan 110 yang lain cedera.

Kebakaran pada pagi Ahad itu berlaku di sebuah hospital yang merawat pesakit COVID-19 dan dipercayai berpunca daripada letupan tangki oksigen.

Berikutan insiden itu, Menteri Kesihatan Hassan Al-Tamimi, ketua hospital dan beberapa pegawai digantung tugas bagi membolehkan siasatan ke atas mereka dilancarkan. - ©BERNAMA

# MUIB AGIH ZAKAT KEPADA FAKIR, MISKIN



DOA dibacakan bagi memberkati majlis.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**KUALA BELAIT**, Selasa, 27 April. - Dalam usaha meringankan lagi beban asnaf fakir dan miskin terutama menjelang Hari Raya Aidilfitri, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menyerahkan Agihan Zakat Wang Tunai kepada asnaf fakir dan miskin menjelang Hari Raya bagi Tahun 1442H / 2021M.

Sehubungan itu, sejumlah BND44,850 telah diagihkan kepada 87 orang ketua keluarga dan 180 orang tanggungan yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin bagi

Daerah Belait, baru-baru ini.

Pada majlis yang berlangsung di Masjid Rancangan Perumahan Kampung Pandan, Daerah Belait, di sini, agihan zakat wang tunai itu disampaikan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat MUIB.

Secara keseluruhannya, Agihan Zakat Wang Tunai menjelang Hari Raya yang diagihkan adalah sebanyak BND1,957,580 yang diperuntukkan kepada 3,130 orang ketua keluarga dan 10,776 orang tanggungan yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin di seluruh negara.

Kesemua wang tunai ini diambil dari Peruntukan Kumpulan Wang Zakat Fitrah dan Zakat Harta yang dikutip pada tahun 1441H / 2020M.

**PENGARAH** Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku Ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat MUIB menyerahkan Agihan Zakat Wang Tunai kepada para penerima (kiri dan atas kiri).

## Sumbangan tanda keprihatinan masyarakat

**MAJLIS** Penyampaian Sumbangan Barang-barang Keperluan Asasi diadakan bagi orang yang kurang berkemampuan dan ketua keluarga anak-anak yatim di Kampung Jerudong.

■ **Berita dan Foto : Ihsan Haji Timbang**

**JERUDONG**, Selasa, 27 April. - Salah satu aktiviti kebajikan yang sering dilakukan oleh masyarakat di negara ini dalam sama-sama menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan yang Mubarak ini ialah memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan dan ia melambangkan sikap keprihatinan terhadap golongan susah dan mereka yang kurang berkemampuan, termasuk anak-anak yatim.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sumbangan Barang-barang Keperluan Asasi diadakan di kawasan pekarangan Kedai Runcit Mollah.

Seramai 35 orang yang kurang berkemampuan dan 33



ketua keluarga anak-anak yatim di Kampung Jerudong menerima sumbangan tersebut.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin

Panjang. Turut menyampaikan sumbangan kepada para penerima ialah pengurus kedai tersebut yang juga merupakan penyumbang barang-barang keperluan berkenaan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**JANGAN BIARKAN KELALAIAN MENGUASAI DIRI**

دتریبتهکن اوله جابتهن قنراغن، جابتهن فردان منتري دان دجیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam